

**KEBERKESANAN KEPIMPINAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN  
KESELAMATAN KAMPUNG DI TERENGGANU**

**SARINA YUSOFF**

**GHAZALI SHAFIE GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT  
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN  
ANTARABANGSA  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
JUN 2013**

**Keberkesanan Kepimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung  
Di Terengganu**

**Oleh:  
Sarina Binti Yusoff**

**Projek Sarjana Ini Dikemukakan Kepada *Ghazali Shafie Graduate School of  
Government* Sebagai Memenuhi Syarat Pengijazahan Program Sarjana  
Pengurusan Awam (MPM)**

***Ghazali Shafie Graduate School of Government*  
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
Jun 2013**

## **PERAKUAN TANGGUNGJAWAB (DISCLAIMER)**

Saya dengan ini mengakui bertanggungjawab ke atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, rajah, ilustrasi dan gambar yang telah diutarakan dalam projek sarjana ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan dan maklumat teknikal dan fakta lain dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

*I hereby acknowledge responsibility for the accuracy of all opinion, technical comment, report the facts, data, diagram, illustrations and photographs that have been suggested in this master's project. I am fully responsible for the material submitted has been reviewed from aspects of copyright and ownership rights. Universiti Utara Malaysia is not responsible for accuracy of any comments, reports and technical information and other facts and against claims of copyright and ownership rights.*

Nama Calon : **SARINA BINTI YUSOFF (811845)**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : 20 Jun 2013 (12 Sya'ban 1434H)

## KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Pengurusan Awam daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada projek sarjana ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek sarjana ini, atau Dekan *Ghazali Shafie Graduate School of Government*, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Juga pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan secara ilmiah terhadap mana-mana bahan daripada projek sarjana ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan projek sarjana ini sama ada secara keseluruhan atau pun sebahagian daripadanya hendaklah dikemukakan kepada:

Dekan  
*Ghazali Shafie Graduate School of Government*  
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia

*In presenting this master's project in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Public Management form Universiti Utara Malaysia. I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this master's project in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or, in their absence, by Dean Ghazali Shafie Graduate School of Government. It is understood that any copying or publications or use this master's project or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood then due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my master's project.*

*Requests for permission to copy or to make other use of material in this master's project in whole or in part should be addressed to:*

Dean  
*Ghazali Shafie Graduate School of Government*  
*College of Law, Government and International Studies*  
*Universiti Utara Malaysia*

## ABSTRAK

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) merupakan sebuah organisasi sosial yang telah ditubuhkan oleh kerajaan sebagai agen pentadbiran dan pembangunan masyarakat khususnya di luar bandar. Kajian ini dijalankan untuk menilai peranan JKKK terhadap masyarakatnya dari segi kepimpinan ahli-ahli JKKK sendiri sebagai agen penggerak utama dalam organisasi JKKK tersebut. Selain itu juga, kajian ini menilai dari segi keberkesanan program-program pembangunan yang dikendalikan oleh JKKK kepada penduduk kampung dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakatnya. Oleh sebab itu, keberkesanan kepimpinan JKKK memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat mengenai kepimpinan JKKK yang melibatkan Pengerusi-Pengerusinya dan AJK JKKK masing-masing. Hasil kajian menunjukkan JKKK berjaya memainkan peranannya di tiga buah kampung yang terlibat dalam kajian ini. JKKK di tiga buah kampung yang dikaji telah memainkan peranan yang berkesan dalam menerajui organisasi masing-masing ke arah pembangunan sosio-ekonomi penduduk setempat. Bagi memperkukuhkan lagi fungsi dan peranan JKKK dan kepimpinannya pada masa hadapan, disarankan agar pemimpin yang sedia ada tidak memegang jawatan terlalu lama dan sanggup melepaskannya kepada kepimpinan baharu yang memiliki taraf pendidikan yang lebih tinggi.

**Katakunci:** kepimpinan, keberkesanan, jawatankuasa, Terengganu

## **ABSTRACT**

*The Village Development and Security Committee is an organization which was formed by the government as an agent of administrative and community development in rural area. The purpose of this study is to look at the role of JKKK and its member's leadership. This study also tries to examine the effectiveness of the developmental programme by JKKK in order to improve the living standard and quality of live in the rural area. Therefore, the most important fuction of JKKK's leadership is to develop socio-economic development. Qualitative approach was used in this study through interviews the Chairman and Committee members of JKKK. The research finding showed that the JKKK was succesful in performing their roles of developing community and socio-economic development in the three villages under this study. To consolidate the roles and functions of JKKK's leadership for the future, it is suggested that the leader of JKKK is not hold the position too long and ready to step down and give the opportunity to a new leadership which has higher education and right competent.*

**Keywords:** *leadership, effectiveness, committee, Terengganu*

**PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya dan keredhaanNya, dapat juga saya menyiapkan projek sarjana ini dengan sebaiknya. Di dalam usaha menyiapkan projek sarjana ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Malike Brahim yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sehingga mampu menghasilkan kajian seumpama ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli JKKK di tiga buah kampung iaitu Kampung Pak Pa, Kampung Teluk Paku dan Kampung Simpang Tok Ku di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan dalam melengkapkan kajian ini terutama sudi melapangkan masa untuk ditemubual. Ribuan terima kasih juga kepada semua penduduk-penduduk kampung yang sedikit sebanyak terlibat dalam kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga kepada ibu bapa saya En. Yusoff Kadir dan Puan Zaleha Hj Hitam, berkat doa dan limpahan kasih sayang kalian memberi saya kekuatan dalam menyiapkan projek sarjana ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih di atas kerjasama dan sumbangan fikiran semasa menuntut ilmu.

Terima kasih.

Sarina Yusoff  
1409-Lorong Kemunting  
Kg Pak Bang  
Pasir Panjang  
21100 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman

## SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

PERAKUAN TANGGUNGJAWAB ( <i>DISCLAIMER</i> )	
KEBENARAN MENGGUNA ( <i>PERMISSION USE</i> )	
ABSTRAK	i
<i>ABSTRACT</i>	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Konsep Kepimpinan dan Jawatankuasa	8
1.8 Metodologi Kajian	16
1.9 Limitasi Kajian	17
1.10 Signifikan Kajian	18
<b>BAB 2: ULASAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Sorotan Kajian-kajian Lepas	20
2.3 Teori Kepimpinan Mengikut Situasi	26
2.4 Teori Organisasi	28
2.5 Kepimpinan Politik	29
2.6 Kesimpulan	34
<b>BAB 3: SEJARAH PENUBUHAN JKKK DALAM SISTEM PEMERINTAHAN MALAYSIA</b>	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Sistem Pentadbiran Negeri	35
3.3 Pengasasan JKKK: Sejarah dan Evolusi	37
3.4 Peranan dan Tanggungjawab JKKK	40
3.5 Kaedah Perlaksanaan Tugas JKKK	42
3.6 Peranan JKKK Dalam Pembangunan Komuniti Setempat	45
3.6.1 Agen Perubahan	46
3.6.2 Pendekatan Kerajaan Negeri Terhadap JKKK	49
3.6.3 Sebagai Pemimpin Barisan Hadapan	51
3.6.4 Pengurusan Pembangunan Ekonomi Kampung	52
3.6.5 Pengurusan Pembangunan Masyarakat	53
3.7 Kesimpulan	54



<b>BAB 4: ANALISI DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	56
4.2 Perubahan Politik	56
4.3 Keberkesanan Kepimpinan	61
4.4 Latar Belakang Pendidikan	63
4.5 Penglibatan Dalam Pembangunan	64
4.6 Kesimpulan	65
<b>BAB 5: RUMUSAN</b>	
5.1 Pengenalan	70
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	70
5.3 Cadangan	73
5.3.1 Kelayakan Akademik	73
5.3.2 Cara Perlantikan	74
5.3.3 Bebas Daripada Pengaruh Politik	75
5.3.4 Aspek Perancangan	75
5.3.5 Pemantapan Organisasi	77
5.4 Penutup	78
<b>RUJUKAN</b>	80

**SENARAI RAJAH**

<b>No.</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Mukasurat</b>
3.1	Kedudukan JKKK Dalam Jentera Kerajaan	42
3.2	Struktur Pentadbiran JKKK	45

## SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
GDW	Gerakan Daya Wawasan
ICT	<i>information communication technology</i>
IT	<i>information technology</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKKKP	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KKLW	Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
KM	Ketua Menteri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MB	Menteri Besar
MMK	Majlis Mesyuarat Negeri
NGO	<i>non-governmental organization</i>
PAS	Parti Islam SeMalaysia / SeTanah Melayu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
PRU	pilihan raya umum
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholder's Development Authority</i>
RMK2	Rancangan Malaysia Kedua
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
UMNO	Parti Kebangsaan Melayu Bersekutu
YAB	Yang Amat Berhormat

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Penduduk kampung merupakan kelompok majoriti yang memerlukan pembangunan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Bagi tujuan tersebut, mereka memerlukan perubahan dan anjakan paradigma ke arah yang lebih berdaya saing. Oleh sebab itu, kerajaan perlu menubuhkan sebuah organisasi yang mampu mendengar pandangan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Seajar dengan matlamat penubuhannya, JKKK telah menjadi penggerak kepada pelbagai aktiviti dan program yang berkaitan secara langsung dengan perkembangan sosio-ekonomi penduduk kampung termasuk menjadi agen dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Selepas mencapai kemerdekaan daripada British, pihak kerajaan secara langsung telah memberi fokus kepada pembangunan luar bandar. Perkara ini menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan kerajaan apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan pada tahun 1970 keluarannya dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-2 (RMK-2) tahun 1971-1975. Melalui DEB dan RMK-2, kerajaan berharap agar rakyat di luar bandar termasuk juga di bandar khususnya kaum Bumiputera dapat bersama-sama memainkan peranan dan melibatkan diri di dalam aktiviti ekonomi yang telah dijanakan oleh kerajaan. Justeru itu, JKKK ditubuhkan bertujuan untuk membantu kerajaan mendengar keluhan, cadangan

pembangunan serta keperluan dalam kehidupan rakyat luar bandar. Ini bertujuan supaya penduduk-penduduk kampung di kawasan-kawasan luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati hasil kemajuan negara yang semakin pesat pada ketika ini.

Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Mohd Shafie Apdal menyatakan peranan JKKK/JKKKP amat penting sebagai mata dan telinga kerajaan untuk memantau, mendengar mahupun menyampaikan dengan tepat dasar-dasar dan program kerajaan secara berkesan (*Utusan Malaysia*, 30 April 2013). Para pemimpin dan ahli-ahli JKKK yang lebih rapat dengan rakyat bertindak sebagai agen pembangunan dan perantara dengan kerajaan khususnya kerajaan persekutuan. Oleh itu, penubuhan JKKK merupakan salah satu tindakan yang sangat bermanfaat sebagai agen dan perantara di peringkat kampung. JKKK dan seluruh komuniti setempat perlu bekerjasama demi melaksana dan menikmati pembangunan dan kemajuan di peringkat kampung masing-masing. Dalam hal ini, kecekapan dan keberkesanan barisan pemimpin JKKK dan ahli-ahlinya sangat penting agar setiap program yang dijalankan oleh kerajaan berjaya mencapai matlamatnya.

Kepimpinan yang cemerlang dan berketrampilan menghasilkan kejayaan kepada sesebuah organisasi seperti JKKK. Tanpa kepimpinan yang berwibawa, sesebuah organisasi umpama anggota badan manusia yang tidak lengkap. Nilai dan ciri-ciri kepimpinan yang telus dan luhur amat diperlukan oleh seorang pemimpin dalam menerajui sesebuah organisasi. Begitu juga kepimpinan yang perlu ditonjolkan dalam JKKK. Melalui JKKK, seluruh penduduk kampung dapat digandingkan yang melibatkan peringkat mukim, daerah dan negeri untuk

mempercepatkan proses pembangunan. Di sinilah JKKK berfungsi sebagai jentera penggerak di peringkat bawahan dalam membantu kerajaan menjayakan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat yang telah direncanakan secara rapi di peringkat kampung. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji aspek kepimpinan JKKK dalam pembangunan sosio-ekonomi beberapa buah kampung di daerah Kuala Terengganu.

## **1.2 Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat peranan yang dimainkan oleh JKKK dalam pembangunan sosio-ekonomi penduduk kampung. Antara aspek yang diberi tumpuan adalah untuk melihat ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh barisan pemimpin JKKK dalam memacu pembangunan dalam kampung masing-masing. Semua ini tidak mustahil boleh dikecapi jika kepimpinan JKKK dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan. Justeru iu, JKKK seharusnya memanfaatkan fungsinya sebagai perantara bagi pihak kerajaan dengan rakyat untuk mencapai matlamat penubuhannya. Sehubungan dengan itu, barisan pemimpin JKKK seharusnya mampu menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang di peringkat kampung demi pembangunan komuniti setempat.

## **1.3 Permasalahan Kajian**

Barisan kepimpinan JKKK merupakan pemimpin tertinggi di peringkat kampung. JKKK mempunyai banyak peranan dan tanggungjawab kepada penduduk kampung. JKKK dilihat sebagai pemangkin kepada kemajuan sesebuah kampung komuniti luar

bandar. Seajar dengan matlamat penubuhannya, JKKK merupakan sebuah badan yang berperanan di dalam menjaga keselamatan kampung supaya tidak berlaku sebarang masalah yang boleh memusnahkan perpaduan dan keharmonian masyarakat setempat.

Pastinya dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, JKKK sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah. Misalnya, dalam aspek pentadbiran. Dikatakan bahawa struktur dan kecekapan jentera pentadbiran JKKK agak lemah dan tidak memiliki strategi khusus dalam melaksanakan tugasnya. Ini ditambah pula dengan masalah kelemahan dari segi struktur pentadbiran JKKK itu sendiri yang dilihat masih berada di takuk lama. Isu ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan taraf pendidikan yang dimiliki oleh barisan pemimpin dan ahli-ahli JKKK yang rata-ratanya di peringkat sekolah menengah sahaja.

Dalam organisasi JKKK juga pemimpin-pemimpinnya dikatakan menghadapi masalah berkomunikasi terutama dalam penyampaian maklumat kepada para penduduk kampung. Penyampaian maklumat yang diguna oleh JKKK dikatakan kurang berkesan. Akibatnya, maklumat yang cuba disampaikan itu kurang jelas dan gagal difahami secara jelas oleh penduduk-penduduk kampung walaupun maklumat tersebut sangat penting. Juga, dibimbangi maklumat tersebut disalahtafsir hingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penerimanya. Masalah ini dilihat berpunca daripada ketidaksesuaian medium yang digunakan oleh ahli-ahli JKKK untuk menyampaikan maklumat secara berkesan kepada masyarakat setempat.

JKKK turut mempunyai tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan penduduk setempat, di samping soal meningkatkan taraf pendidikan, ekonomi, keselamatan, perpaduan dan kesihatan masyarakat kampungnya. Namun, jika dilihat keadaannya pada masa kini masih terdapat banyak isu dan masalah yang wujud dalam masyarakat di kampung-kampung gagal ditangani dengan baik oleh JKKK terutama dalam soal pembangunan sosio-ekonomi. Berhubung isu ini, Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said memberi amaran dan mengambil tindakan undang-undang ke atas Pengerusi JKKK yang menyelewengkan agihan bantuan dana hari raya (*Harakah*, 29 November 2009). Hal ini menunjukkan masih terdapat JKKK yang mengamalkan sikap pilih kasih dan tidak amanah dalam menjalankan tanggungjawabnya. Pemimpin seharusnya menjadi *role model* kepada masyarakatnya. Masyarakat tidak dapat membangun sekiranya mereka dipimpin oleh seorang pemimpin yang tidak berwibawa. JKKK seharusnya menunjukkan nilai dan etika yang bermoral kepada masyarakatnya seperti adil, amanah, bertanggungjawab, berdisiplin dan sebagainya.

Masalah lain yang timbul di peringkat JKKK adalah tentang kepimpinan JKKK itu sendiri yang dikatakan kurang cekap dan berkesan. Perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan sesetengah penduduk kampung. Kebelakangan ini timbul ketidaksehaluan matlamat Pengerusi JKKK dan ahli-ahlinya dengan beberapa penduduk kampung ekoran perubahan kepimpinan di peringkat negeri. Misalnya, perbezaan fahaman atau ideologi politik yang dipegang oleh kalangan ahli-ahli JKKK dan penduduk kampung menjadi penghalang kepada hubungan yang lebih baik antara yang dipimpin dan yang memimpin. Ini menjadi cabaran kepada JKKK untuk menyelesaikan isu dan masalah berkaitan



ketidaksehaluan matlamat supaya pentadbiran kepimpinan JKKK mampu menjadi lebih cekap dan berkesan.

Masalah di atas wujud disebabkan oleh tingkah laku dan corak pentadbiran pemimpin-pemimpin JKKK yang kurang berkesan dan cenderung dipengaruhi oleh faktor politik nasional dan negeri. Keadaan tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk setempat. Walaupun penduduk kampung tidak bertindak memprotes kepimpinan JKKK secara terbuka, tetapi mereka mengambil langkah mendiamkan diri, memulaukan projek atau aktiviti yang dilaksanakan oleh JKKK. Pastinya keadaan ini memberikan kesan secara langsung kepada fungsi JKKK sebagai agen pembangunan komuniti. Oleh sebab itu, kerjasama dan perpaduan antara kepimpinan JKKK yang sedia ada dengan seluruh lapisan masyarakat di peringkat kampung adalah sangat penting.

Selain daripada cara kerja dan tindak tanduk kepimpinan JKKK yang kurang disenangi oleh para penduduk kampung-kampung yang berkenaan, latar belakang pendidikan ahli-ahli JKKK kebanyakan hanya setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Faktor ini memberikan kesan terhadap corak pemikiran dan cara membuat keputusan yang melibatkan kepentingan umum. Taraf pendidikan yang dimiliki mempengaruhi cara berkomunikasi dalam kalangan ahli-ahli JKKK untuk menyampaikan maklumat kepada seluruh penduduk kampung. Persoalannya, bagaimanakah pemimpin-pemimpin JKKK berupaya menyampaikan maklumat-maklumat penting misalnya dalam pembangunan boleh disampaikan dengan berkesan? Juseru itu, setiap ahli JKKK dan pemimpin-pemimpinnya harus berusaha selain memastikan taraf pendidikan juga perlu meningkatkan kemahiran

berkomunikasi masing-masing lebih-lebih lagi dalam era teknologi maklumat yang kian canggih dewasa ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa persoalan dikemukakan tentang JKKK seperti berikut:

- a) Apakah matlamat dan agenda JKKK ditubuhkan?
- b) Apakah peranan dan tanggungjawab utama JKKK ditubuhkan di kampung?
- c) Adakah JKKK bebas daripada pengaruh dan ideologi parti politik tertentu dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kepada penduduk kampung?
- d) Apakah perancangan dan agenda pembangunan yang dikemukakan oleh JKKK kepada kerajaan ke arah pembangunan sosio-ekonomi kampung?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kepimpinan JKKK di beberapa kampung terpilih di daerah Kuala Terengganu. Secara terperinci, kajian ini dijalankan untuk:

- a) Mengenal pasti matlamat dan agenda penubuhan JKKK sebagai agen pembangunan dalam sosio-ekonomi masyarakat;
- b) Mengkaji peranan JKKK dalam aspek politik dan bukan politik (pentadbiran) sama ada yang bersifat rasmi atau tidak rasmi;

- c) Menilai keberkesanan kepimpinan JKKK berasaskan pengkelasan atau pembahagian tugas dalam kalangan ahli-ahli JKKK;
- d) Mengkaji pengaruh dan kesan ideologi politik terhadap keberkesanan kepimpinan JKKK dalam pembangunan komuniti setempat; dan
- e) Menganalisis cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi terhadap keberkesanan dan kecekapan kepimpinan JKKK.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian tentang kepimpinan JKKK dijalankan di tiga buah kampung di daerah Kuala Terengganu melibatkan Kampung Pak Pa, Kampung Simpang Tok Ku dan Kampung Teluk Paku (di bawah JKKK Gelugor Raja). Kampung Pak Pa dan Kampung Teluk Paku berada di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Mempelam. Manakala Kampung Simpang Tok Ku berada di bawah DUN Bandar. Kajian tentang kepimpinan JKKK di tiga kampung berkenaan berdasarkan kepada perkembangan yang berlaku sebelum pilihan raya umum ke-13. Tumpuan kajian adalah terhadap isu dan masalah kepimpinan JKKK dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kepada penduduk-penduduk kampung yang berkenaan.

## **1.7 Konsep Kepimpinan dan Jawatankuasa**

Secara amnya, jawatankuasa difahami sebagai satu badan yang kepadanya tugas-tugas boleh dirujuk oleh satu pihak lain dan jawatankuasa itu boleh menjalankan tugas-tugas tersebut (Phang Siew Nooi, 1989: 72). Jawatankuasa mempunyai tanggungjawab kepada badan yang membentuk mereka dan memberi kuasa kepada

mereka. Jawatankuasa ini mempunyai taraf atau status yang bergantung kepada badan yang menubuhkannya.

Jawatankuasa boleh dibentuk mengikut beberapa corak atau jenis. Menurut Phang Siew Nooi lagi, jawatankuasa boleh menjadi penasihat, iaitu jawatankuasa ditubuhkan oleh sesebuah agensi atau badan untuk memberi nasihat atas sesuatu masalah atau membantu dalam sesuatu fungsi. Jawatankuasa juga boleh diwujudkan kerana beberapa sebab ataupun diwujudkan sementara bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Setelah masalah itu telah diselesaikan, jawatankuasa boleh dimansuhkan. Biasanya, beberapa jawatankuasa dibentuk untuk menjalankan beberapa fungsi yang berkaitan dalam organisasi walaupun terdapat organisasi yang menubuhkan jawatankuasa khas untuk sesuatu tujuan atau fungsi sahaja. Kemungkinan juga boleh wujud bahawa sesebuah jawatankuasa boleh menguasai dan mempengaruhi jawatankuasa yang lain dalam sesebuah organisasi atau majlis.

Dalam majlis-majlis kerajaan tempatan, kerap kali kejayaan jawatankuasa-jawatankuasa merujuk kepada kerjasama yang diperolehi antara pengerusi dan ahli-ahlinya. Keahlian jawatankuasa itu adalah berdasarkan kepada jenis jawatankuasa dan akan dipenuhi oleh pengerusi-pengerusi yang terlibat dalam fungsi jawatankuasa dan juga ahli-ahli yang dipilih untuk mengisi jawatankuasa itu. Misalnya, JKKK dipenuhi oleh pengerusi-pengerusi bagi setiap kampung dan ahli-ahli JKKK yang dipilih dalam jawatankuasa itu. Walaupun ahli-ahli JKKK itu berkhidmat secara sukarela, tetapi mereka dibayar elaun apabila menghadiri mesyuarat jawatankuasa tersebut.

JKKK merupakan sebuah organisasi sosial yang ditubuhkan oleh kerajaan sebagai satu jambatan untuk menyalurkan projek pembangunan fizikal dan mental kepada penduduk di kawasan luar bandar (Anuar Long, 2000: 1). Maju atau mundur sesebuah kampung banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh JKKK setempat. JKKK dilihat sebagai pentadbir di peringkat terendah sekali yang diketuai oleh seorang ketua kampung sebagai Pengerusinya. Kedudukan ketua kampung adalah sangat penting dalam memastikan setiap projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan berjalan dengan lancar. Di sini JKKK banyak berfungsi untuk membantu pentadbiran daerah dalam melaksanakan projek-projek pembangunan (Abdul Halim, 1991: 631).

Menurut Abdul Halim (1991: 609) seseorang ketua kampung menjalankan tugasnya melalui JKKK yang dipengerusikan olehnya sendiri. Sebuah kampung harus mempunyai seorang ketua kampung sebagai pengerusi JKKK bagi mentadbir kawasan kampung tersebut. Ahli JKKK biasanya terdiri daripada masyarakat kampung itu sendiri. Ahli JKKK mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Mohd Shukri (1992: 70) menyatakan JKKK kini tidak lagi sekadar menjadi penyalur permintaan penduduk semata-mata, tetapi menjadi sebuah organisasi yang lebih bertanggungjawab dalam memilih serta memberi keutamaan terhadap program-program pembangunan yang difikirkan berfaedah untuk penduduk setempat.

JKKK adalah sebagai orang tengah atau perantara bagi pentadbiran daerah dengan masyarakat setempat. Peranan JKKK sangat penting bagi memastikan setiap projek-projek dan program pembangunan yang dijalankan di peringkat kampung berjalan lancar. Menurut Abdul Halim (1991: 609) pembentukan JKKK adalah

bertujuan memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian yang aktif dalam proses perancangan dan pelaksanaan program dan projek pembangunan di kampung mereka. Biasanya JKKK dianggotai lebih daripada 10 orang ahli termasuklah pengerusinya.

Setiap pemimpin perlu mendapat sokongan daripada ahli-ahli dan pengikutnya. Melalui sokongan yang diterima, JKKK dapat menjalankan tugas yang dipertanggungjawab dengan amanah. Ini bertujuan supaya kepercayaan yang diberikan oleh pengikutnya tidak dikhianati agar dapat memberi manfaat kepada sesebuah organisasi. Di sini letaknya peranan ahli-ahli JKKK sebagai sebuah badan di bawah Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar.

JKKK perlu mengorak langkah ke arah berorientasikan kepada pencapaian dalam pembangunan luar bandar. Pembangunan tersebut perlulah diketuai oleh seorang ketua. Oleh itu, JKKK di seluruh Malaysia perlu menggunakan khidmat seorang ketua iaitu Pengerusi untuk memimpin ahli-ahli JKKK yang lain di dalam usaha untuk mencapai matlamat yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan kepada badan ini. Pengerusi JKKK diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab kepada seluruh lapisan masyarakat dengan penuh berhemah untuk memastikan segala misi dalam penubuhan badan JKKK dapat dicapai dengan berkesan dan berjaya. Sebagai contoh, pengerusi akan menjalankan tanggungjawabnya dalam bidang pentadbiran, pembangunan serta tugas-tugas lain berdasarkan kepada skop yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Kepimpinan merujuk kepada proses individu mempengaruhi ahli kumpulan lain untuk mencapai matlamat kumpulan dan matlamat organisasi. Kajian kepimpinan merupakan langkah memahami gaya, peranan kepimpinan dan pengaruh terhadap prestasi pekerja, serta keberkesanan supaya dapat memberikan maklumbalas demi kepentingan pengurusan sesebuah organisasi. Jadi, kepimpinan merupakan satu corak hubungan yang menunjukkan kemampuan seseorang untuk mempengaruhi perlakuan orang lain melalui pemikiran, perlakuan dan tindakan. Oleh itu, kepimpinan merupakan suatu proses untuk mempengaruhi orang lain bagi memahami dan bersetuju tentang apa yang perlu dilaksanakan dan bagaimana melakukannya secara berkesan dan proses untuk membantu seseorang secara sepakat bagi menjayakan sesuatu matlamat (Yukl, 2002).

Kepimpinan didefinisikan sebagai satu proses mempengaruhi individu atau kumpulan bagi melaksanakan tanggungjawab mencapai matlamat (Hersey & Blanchard, 1977). Manakala Bass (1985) memberi pandangan yang lebih luas lagi. Beliau mendefinisikan kepimpinan sebagai proses mentransformasikan pengikut, mewujudkan matlamat yang hendak dicapai dan menerangkan kepada pengikut cara-cara untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh sebab itu, kepimpinan sering dikaitkan tentang kuasa yang digunakan untuk mempengaruhi orang lain dengan pelbagai cara.

Bolman dan Deal (1997) menyatakan kepimpinan politik melibatkan bagaimana seseorang memahami keperluan pengaruh yang bermula dengan memahami perkaitan dan kepentingan orang lain. Ciri-ciri seorang pemimpin ialah:

- i) Mengenalpasti apa yang mereka mahu dan apa yang mereka boleh dapat;

- ii) Menilai pengagihan kuasa dan kepentingannya;
- iii) Membina hubungan antara rakan sekerja yang lain; dan
- iv) Menjadi ketua.

Kebanyakan penyelidik mempunyai pendapat yang berlainan tentang kepimpinan. Stogdill (1974) memberi definisi kepimpinan sebagai penyelenggaraan struktur dalam jangkaan dan interaksi. Manakala Hughes (1993) mentakrifkan kepimpinan sebagai satu fenomena kompleks yang melibatkan pemimpin, pengikut dan keadaan. Lunnenburg dan Ornstein (1991) telah mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses mempengaruhi aktiviti kumpulan ke arah mencapai matlamat sesebuah organisasi. Dalam hal ini, Jaafar (1991) pula telah mendefinisikan kepimpinan sebagai seni atau proses yang mempengaruhi kegiatan seseorang melalui tugas yang diberikan kepada mereka supaya mereka bekerja keras dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Seterusnya, beliau menambah lagi bahawa terdapat tiga faktor penting berkenaan definisi kepimpinan iaitu:

- i) Pertama, kepimpinan mesti melibatkan orang lain atau pihak lain sama ada pekerja-pekerja bawahan atau para pengikut. Ahli-ahli kumpulan membantu mentakrifkan status kepimpinan dan mewujudkan proses kepimpinan melalui kesanggupan mereka untuk menerima pengagihan kuasa yang tidak seimbang di antara para pemimpin dan ahli-ahli kumpulan;
- ii) Kedua, para pemimpin mempunyai autoriti untuk memberi arahan berkenaan dengan setengah daripada kegiatan-kegiatan anggota



kumpulan manakala anggota-anggota pula tidak boleh mengarah aktiviti-aktiviti pemimpin mereka; dan

- iii) Ketiga, selain daripada berkuasa untuk memberi arahan tentang apa yang perlu dilakukan, pemimpin boleh juga mempengaruhi melalui arahan yang dilaksanakan oleh pekerja-pekerjanya.

Dalam menerangkan istilah kepemimpinan ini, tokoh cendekiawan Islam terkenal, Ibnu Khaldun telah menyatakan pemimpin ialah kepala suku dan seseorang pemimpin itu perlu dipatuhi oleh pengikutnya dan ia juga mempunyai kuasa untuk memaksa pengikutnya supaya menerima kekuasaan pemerintahannya (Yusof, 1991). Menurut Razali (1990), kepemimpinan dapat ditakrifkan sebagai satu proses interaksi antara pemimpin dengan ahli-ahlinya dalam sesebuah organisasi. Ahli-ahli yang menyokong seorang pemimpin tersebut akan menentukan sama ada cara kepemimpinan yang dibawa oleh seorang pemimpin tersebut diterima pakai atau sebaliknya.

Seperti yang diketahui umum, seseorang pemimpin tidak akan berupaya menjadi seorang pemimpin tanpa sokongan padu daripada ahli-ahli atau pengikutnya. Burns (1978) mentakrifkan kepemimpinan sebagai usaha pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya untuk bertindak mencapai sesuatu matlamat yang mewakili nilai dan motivasi, merangkumi kehendak dan keperluan serta aspirasi dan harapan kedua-dua pemimpin dan pengikut tersebut. Pendapat Burns ini disokong oleh Bennis (1998) di mana secara dasarnya, keupayaan seseorang pemimpin menggembelng tenaga dengan rakan kerjanya adalah tertakluk kepada pemahaman terhadap diri sendiri dan pemahaman terhadap keperluan serta kemahuan rakan kerja tersebut.

Pemimpin juga ditakrifkan sebagai ketua, pentadbir dan pengurus. Ada pula yang melihat kepimpinan sebagai suatu seni, mempunyai personaliti dan wawasan, menggabungkan pujukan dan contoh teladan bagi membolehkan orang lain melakukan perkara yang diinginkan oleh pemimpin. Kepimpinan membawa matlamat atau visi seseorang yang diinginkan dan kerelaan orang lain untuk mengikutinya dalam konteks tanggungjawab sosial serta tindakan yang menguntungkan kedua-dua pihak (Parry, 1996).

Berlainan pula menurut pandangan Sobri (1999), kepimpinan dapat dijelaskan sebagai satu bentuk proses yang menerangkan mengenai kehendak setiap masyarakat yang bertujuan untuk mendapatkan kepercayaan ahli-ahli komuniti untuk memimpin sesebuah organisasi. Kepimpinan ini merujuk kepada satu tindakan atau perlakuan bersama yang diketuai oleh seorang individu tertentu bagi mencapai matlamat serta objektif yang telah dibentuk di dalam sesebuah organisasi yang dipimpinya.

Kepimpinan bagi masyarakat umum membawa gambaran kewibawaan tokoh-tokoh tertentu yang mempunyai sifat-sifat peribadi yang istimewa dan yang tersendiri. Oleh kerana keistimewaannya itu, pemimpin dapat memandu, mendorong dan menggerakkan masyarakat ke arah mencapai matlamat tertentu. Menurut Nelson dan Quick (1997), kepimpinan dalam organisasi ialah suatu proses membimbing dan mengarah tingkah laku manusia dalam persekitaran kerja.

Sebenarnya kepimpinan merupakan suatu konsep yang begitu luas di terdapat berbagai-bagai jenis kepimpinan seperti kepimpinan politik, kepimpinan organisasi,

keimpinan pelajar, kepimpinan komuniti, kepimpinan kumpulan, kepimpinan pendidikan dan kepimpinan sekolah. Kepimpinan juga sering dikaitkan dengan kemampuan seseorang dalam mempengaruhi orang lain untuk bekerja mencapai tujuan personal dan organisasi (Mosley, 1996).

## **1.8 Metodologi Kajian**

Pada umumnya, reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif. Menurut Slarin (1992: 65), kajian kualitatif merupakan kajian yang bertujuan untuk meninjau fenomena sosial yang penting dengan mendalami sesuatu situasi yang dikaji bagi kajian akan datang. Terdapat beberapa kaedah digunakan untuk pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Manakala, data sekunder diperolehi melalui akhbar, internet, jurnal, buku, majalah, laporan tahunan, risalah dan lain-lain sumber bercetak yang telah sedia ada yang berkaitan dengan subjek kajian.

Sampel kajian dipilih berdasarkan persampelan kluster atau kawasan iaitu melibatkan pembahagian populasi kepada kawasan yang tidak bertindih. Penyelidik memilih secara rawak unsur individu untuk sampel daripada kluster. Persampelan kluster atau kawasan dipilih kerana kluster biasanya mudah diperolehi dan kos persampelan daripada keseluruhan populasi dapat dikurangkan kerana skop kajian telah dikurangkan kepada kluster. Sampel terdiri daripada beberapa individu penting dalam JKKK seperti Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari JKKK di kampung-kampung kajian, ahli-ahli JKKK serta ketua-ketua biro JKKK.

Data primer diperolehi melalui kaedah temubual. Soalan-soalan temubual secara berstruktur telah dibentuk dan menjadi instrument utama bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Soalan temubual dibahagikan kepada beberapa bahagian yang meliputi peranan organisasi JKKK, tanggungjawab ahli-ahli JKKK, masalah organisasi JKKK dan isu-isu berbangkit berkaitan peranan kepimpinan JKKK dalam menjalankan fungsinya. Temubual dilakukan adalah secara bersemuka dengan responden. Jawapan-jawapan yang diberikan responden dicatatkan dan dirakamkan menggunakan alat perakam suara bagi memudahkan pengkaji menganalisis setiap jawapan yang diberikan.

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan, di mana pengkaji akan memperinci setiap jawapan yang diberikan oleh responden menepati persoalan kajian, permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah digariskan di atas. Analisis data dilakukan mengikut keperluan skop kajian ini dalam menilai kepimpinan JKKK di tiga buah kampung yang terbabit dalam kajian ini.

## **1.9 Limitasi Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji berhadapan dengan beberapa rintangan. Antaranya dari segi bahan rujukan. Kajian-kajian lepas mengenai JKKK adalah sangat terhad terutama yang telah dibukukan. Banyak kajian tentang JKKK hanya membincangkan keberkesanan JKKK. Apabila kurangnya kajian dan karya secara langsung tentang JKKK, ia memberi kesan dari segi konseptual dan teoritikal seperti yang dihadapi oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini.

Selain berhadapan masalah dari segi rujukan, faktor masa juga merupakan kekangan kepada pengkaji. Masa atau tempoh yang agak singkat menyukarkan pengkaji untuk menghasilkan kajian secara mendalam tentang kepimpinan JKKK. Tempoh pengajian yang hanya 14 minggu memerlukan pengkaji memberi tumpuan kepada beberapa aspek tertentu sahaja tentang kepimpinan JKKK seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Di samping itu, jarak antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan lokasi kajian di tiga buah kampung berkenaan juga sangat jauh. Ini menyukarkan pengkaji untuk berulang alik dalam usaha mendapatkan maklumat daripada responden. Lagi pun kebanyakan responden masing-masing mempunyai tugas yang perlu diselesaikan hingga menyebabkan mereka sukar untuk meluangkan masa yang secukupnya untuk ditemubual.

Kekangan lain yang dihadapi oleh pengkaji termasuklah mendapatkan salinan data yang berkaitan dengan JKKK di kawasan kajian. Sebagai contoh, segala maklumat berkenaan aktiviti JKKK atau program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun yang ingin dikaji tidak dapat diberikan salinan atas sebab menjaga amanah serta berpegang kepada prinsip kerahsiaan maklumat. Oleh itu, segala data serta maklumat yang diperolehi oleh pengkaji agak terbatas. Maklumat yang diperolehi hanyalah daripada temubual yang dijalankan.

### **1.10 Signifikan Kajian**

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai peranan serta tanggungjawab badan JKKK sebagai sebuah badan yang berperanan di dalam membangunkan masyarakat luar bandar. Ia turut melihat

sejauhmana kecekapan JKKK di dalam melaksanakan fungsinya bagi mentadbir struktur pentadbiran kampung. Justeru itu, maklumat berkenaan perkara-perkara seperti ini boleh membantu pengkaji-pengkaji lain, para pelajar dan orang awam yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang JKKK.

Di samping itu, maklumat dan dapatan kajian yang diperolehi menerusi kajian ini dapat membantu pihak kerajaan (persekutuan dan negeri), pemimpin JKKK dan pentadbiran daerah untuk menambah baik sistem pentadbiran dan pengurusan JKKK pada masa akan datang. Ini kerana banyak isu dan masalah yang wujud dalam organisasi JKKK boleh diselesaikan jika mempunyai maklumat yang mencukupi. Sesungguhnya, JKKK tidak lagi harus dilihat sebagai organisasi di peringkat kampung semata-mata, tetapi sudah boleh mengorak langkah ke arah yang lebih maju dan berdaya saing ke hadapan. Melalui kajian ini diharap ia dapat membawa sedikit sebanyak perubahan kepada kepimpinan dan pengurusan JKKK di kampung-kampung yang terbabit dalam kajian ini.

Hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran mengenai penglibatan masyarakat dalam program-program pembangunan komuniti yang dianjurkan di kawasan kajian seperti aktiviti gotong-royong dan sukan rakyat anjuran JKKK. Kejayaan dalam menganjurkan pelbagai aktiviti dan program-program berkaitan kemasyarakatan dan sosio-ekonomi mampu meletakkan JKKK sebagai agensi yang boleh menjadi pemangkin ke arah pembangunan di peringkat luar bandar.

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dua aspek utama iaitu ulasan karya dan teori yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Dari segi ulasan karya, dalam bab ini mengupas beberapa hasil kajian, laporan dan latihan ilmiah yang telah dihasilkan. Ulasan karya ini merupakan sumber maklumat sekunder utama dalam kajian ini yang diperolehi di Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan beberapa perpustakaan awam yang lain khususnya di Terengganu. Manakala, dari segi teori pula dibincangkan tentang teori organisasi dan kepimpinan.

#### **2.2 Sorotan Kajian-kajian Lepas**

Terdapat pelbagai kajian dan penulisan yang telah dijalankan bagi mengkaji dan menilai kepimpinan organisasi JKKK untuk membangunkan komuniti luar bandar. Selaras dengan perkembangan semasa, kajian yang dijalankan juga turut berubah mengikut keperluan dan jangkaan yang diharapkan. Terdapat perkaitan yang rapat mengenai aspek kepimpinan dan pemimpin organisasi JKKK, penilaian program pembangunan yang dijalankan terhadap komuniti luar bandar dan program peningkatan mutu organisasi JKKK.

Kepimpinan dalam organisasi merupakan suatu faktor yang menentukan keberkesanan sesuatu organisasi atau usaha. Oleh itu, kejayaan dalam kepimpinan

menunjukkan bahawa pengelolaan organisasi telah berjaya dilaksanakan dan sebaliknya tanpa berlaku kepincangan dalam sesuatu organisasi tersebut. Corak kepimpinan yang baik ialah apabila seorang pemimpin itu menghadapi sebarang risiko, berjaya mengatasi sebarang halangan dan kelemahan serta dapat memimpin sesuatu organisasi tersebut menuju sasaran dalam jangka masa yang telah ditetapkan (Susilo, 1987).

Pemimpin merupakan inti penting kepada pengurusan. Setiap pengurusan memerlukan kepimpinan yang dapat menguruskan sesebuah organisasi dengan cekap dan berkesan. Kepimpinan adalah merujuk kepada satu proses perhubungan di antara satu atau lebih manusia. Seseorang individu itu cuba mempengaruhi individu lain ke arah pencapaian sesuatu matlamat atau tujuan. Ciri kepimpinan pula tidak dapat didefinisikan dengan jelas. Namun, terdapat suatu garis atau pandangan bagi mendefinisikan kepimpinan iaitu:

- i) Titik tumpu proses kelompok;
- ii) Keperibadian dan pengaruh;
- iii) Keberkesanan dalam melaksanakan pekerjaan;
- iv) Tindakan mempengaruhi orang lain;
- v) Perbuatan atau sikap seseorang;
- vi) Cara dalam menggerakkan orang;
- vii) Alat pencapaian tujuan;
- viii) Pengaruh daripada interaksi; dan
- ix) Peranan dan perwatakan yang menonjol.

Kepimpinan sebagai satu kedudukan atau jawatan merupakan hak-hak dan kewajipan yang boleh menghasilkan kekayaan, martabat atau status yang tinggi. Kepimpinan sebagai status sosial boleh meliputi tindakan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang mengakibatkan orang ramai mengikut



mereka. Keberkesanan seseorang pemimpin dalam menerajui dan membolehkan organisasinya bergerak ke arah pencapaian matlamat bergantung kepada hubungan baik di antara pemimpin dan pengikutnya serta kuasa yang diaplikasi oleh pemimpin tersebut. Oleh itu, kepimpinan dalam organisasi JKKK memainkan peranan penting pada peringkat kampung dalam meningkatkan pembangunan masyarakat setempat. Kepimpinan organisasi JKKK yang berkesan mampu mempengaruhi dan mendapat keyakinan serta sokongan daripada penduduk kampung.

Jaafar (1983) mengatakan terdapat perbezaan antara pemimpin dan ketua yang dilantik. Ketua yang dilantik tidak semestinya pemimpin tetapi pemimpin adalah ketua. Selain itu, menurut William James (dalam Ramlah, 1994), pemimpin mempunyai peristiwa dan suasana yang menonjol kepimpinannya kepada orang ramai. Pemimpin juga berperanan menyelesaikan masalah dengan ideanya sendiri dan berupaya menganjurkan orang lain bagi melaksanakan ideanya. Selain itu, seorang pemimpin juga mempunyai pandangan jauh, keberanian, bertanggungjawab terhadap kepimpinan organisasinya dan dihormati. Dengan itu, pemimpin JKKK perlu bersikap bertoleransi dan bertanggungjawab terhadap bidang tugas yang diterima supaya kepimpinan mereka diakui dan diterima masyarakat.

Manakala menurut Stodgill (1974) pula, seorang sarjana terkenal dalam kajian kepimpinan berpendapat kepimpinan adalah proses-proses yang mempengaruhi aktiviti-aktiviti sesebuah organisasi kumpulan ke arah pembinaan matlamat dan pencapaian matlamat. Seterusnya, Stodgill (1974) membuat rumusan bahawa terdapat 11 ciri-ciri kepimpinan iaitu:

- i) Sebagai fungsi proses kelompok;
- ii) Sebagai personaliti dan kesannya;

- iii) Sebagai seni mengikut arahan;
- iv) Sebagai peneanaan pengaruh;
- v) Sebagai satu set tindakan atau tingkahlaku;
- vi) Sebagai satu bentuk pemujukan;
- vii) Sebagai kesan interaksi yang terus muncul;
- viii) Sebagai hubungan kuasa; dan
- ix) Sebagai alat pencapaian matlamat.

Maimunah (1989) membincangkan kepimpinan dalam organisasi seperti JKKK banyak memberikan panduan kepada pemimpin-pemimpin tempatan mencungkil bakat dan mengasah kepimpinan. Ia juga dapat memupuk dan menggalakkan semangat kerjasama di kalangan penduduk untuk menggunakan pelbagai sumber pembangunan secara kelompok.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad (1997) tentang agenda pembangunan akibat daripada penyusunan semula JKKK dan penyeragaman struktur mesyuarat JKKK mendapati peranan yang dimainkan oleh JKKK masih lagi berorientasikan pembangunan fizikal dengan isu yang berkaitan dengan membina, menambak, menurap jalan mini tar serta mengubahsuai titi, surau dan kemudahan asas yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa kepimpinan JKKK masih lagi dibelenggu dengan isu-isu tentang kemudahan asas sahaja tanpa mengambil kira tentang pembangunan minda masyarakat luar bandar. Keadaan ini juga telah mewujudkan satu pergantungan yang kuat di kalangan pemimpin JKKK kepada pihak pentadbiran daerah dan pertubuhan politik di dalam membentuk dan mencorakkan masyarakat setempat. Pendapat Kootz dan O'Donnel (dipetik Razali, 1996) pula menyatakan:

“Kepimpinan secara amnya, adalah semata-mata bermakna pengaruh, satu seni atau proses mempengaruhi orang lain supaya mereka dapat berusaha secara sukarela ke arah pencapaian matlamat bersama”.

Seterusnya adalah berkaitan dengan program pembangunan dan pembangunan komuniti luar bandar khususnya masyarakat kampung. Malaysia sedang menuju proses pembangunan yang begitu pesat. Proses ini lazimnya memberi kesan kepada pembangunan fizikal, ekonomi, mahupun masyarakat itu sendiri khususnya perubahan dalam aspek corak hidup. Pembangunan seimbang akan tercapai menerusi perancangan yang strategik mengikut keadaan semasa.

Hal ini menunjukkan bahawa pemimpin adalah individu yang sangat penting dalam memastikan kelancaran dalam sesebuah organisasi atau perubahan. Peranan dan tugas JKKK adalah perkara yang amat penting untuk diketahui oleh setiap ahli JKKK, dimana setiap ahli di dalam pertubuhan tersebut memahami dengan teliti mengenai tugas yang diamanatkan kepada mereka. Dalam kajian tentang kepimpinan, terdapat pelbagai takrifan tentang definisi pemimpin. Manakala Hollander (dalam Razali, 1996: 9) pula telah mendefinisikan kepimpinan seperti berikut:

“Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi di antara pemimpin dengan pengikut. Walaupun pemimpin mempunyai kuasa tetapi kekuatan pengaruh lebih bergantung kepada pujukan daripada paksaan. Proses kepimpinan selalunya melibatkan pertalian pengaruh dengan tujuan untuk mencapai matlamat bersama. Jadi, kepimpinan bukan hanya tanggungjawab pemimpin tetapi memerlukan usaha dan kerjasama daripada pengikut-pengikutnya”.

Razali (1996: 10) dalam karyanya *Kepimpinan Dalam Pengurusan* telah menganalisis ciri-ciri kepimpinan iaitu:

- i) Kepimpinan wujud dalam apa jua aktiviti yang disusun rapi dan sistematik dan kepimpinan juga berkait secara langsung dan tidak langsung dengan keseluruhan aktiviti organisasi;
- ii) Kepimpinan mempunyai perkaitan rapat dengan kuasa;

- iii) Fungsi kepimpinan mengandungi tugas-tugas menetapkan matlamat, menyusun, mengarah serta menyelaraskan usaha-usaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan;
- iv) Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi kerana tanpa pengaruh, maka tidak wujud konsep kepimpinan. Ia adalah satu proses berterusan bukan hanya dilaksanakan atau diamalkan apabila terdesak atau apabila timbulnya krisis;
- v) Setiap keadaan memerlukan corak gelagat kepimpinan yang tertentu kerana gelagat yang bersesuaian untuk sesuatu keadaan mungkin tidak sesuai untuk keadaan yang lain; dan
- vi) Kepimpinan yang berkesan memberikan kepuasan kepada pengikut dan ia akan menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang.

Sesungguhnya soal pemimpin dan kepimpinan dalam sesebuah kelompok masyarakat adalah penting bagi menentukan corak dan pola kemajuan sesebuah organisasi. Pemilihan pemimpin adalah penting bagi kemajuan dan bersesuaian dengan citarasa yang diperlukan oleh masyarakat dalam pemilihan pemimpin yang dikehendakinya. Pemimpin yang bercanggah dengan norma masyarakat tidak akan berjaya dan tidak akan diterima oleh masyarakat.

Daripada definisi-definisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kepimpinan merupakan suatu bentuk hubungan apabila seseorang mempunyai kesempatan dan kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain, melalui gerak laku, pemikiran, tutur kata dan tindakannya. Proses kepimpinan tidak mungkin dapat dipisahkan daripada aktiviti kumpulan. Ia juga merupakan proses yang melibatkan peribadi serta ketokohan pemimpin, harapan orang yang dipimpin, suasana dan persekitaran serta matlamat yang hendak dicapai (Robiah, 1995: 3).

### 2.3 Teori Kepimpinan Mengikut Situasi

Menurut Maimunah (1999: 288) teori ini memberi penekanan terhadap pemimpin, pengikut dan perkaitan antara pemimpin dan pengikut, dan disertai dengan situasi persekitaran di mana kedua-dua kategori ini berada. Teori ini dapat dihuraikan melalui tiga pendekatan prinsip seperti pernyataan berikut:

“Prinsip pertama ialah situasi yang berlainan yang memerlukan fungsi kepimpinan yang berbeza. Teori ini juga mengutamakan bahawa kepimpinan dipengaruhi oleh tingkah laku pemimpin dan pengikut, serta hubungan tingkah laku tersebut dalam sesuatu situasi. Prinsip kedua ialah aktiviti-aktiviti kepimpinan menitikberatkan ke arah pencapaian peranan kelompok. Pelaksanaan tugas anggota dalam kelompok atau organisasi dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Saiz kelompok yang menentukan pencapaian tugas setiap individu. Prinsip ketiga mengutamakan kualiti pemimpin bersesuaian untuk sesuatu situasi”.

Daripada teori kepimpinan itu, corak kepimpinan dan peranan pemimpin dapat diperjelaskan. Berdasarkan teori ini, kepimpinan Pengerusi dan ahli-ahli JKKK dapat dinilai dan ditentukan. Maimunah (1999: 289) juga menerangkan perkara yang menentukan kepimpinan mengikut situasi seperti sejarah organisasi, umur pemimpin, pekerja serta pengalaman bekerja, masyarakat yang diberi perkhidmatan, peranan yang diberikan anggota kelompok, peranan pemimpin dalam kelompok dan kerjasama yang diperlukan antara anggota kelompok serta personaliti ahli kelompok.

Salah satu ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin ialah keyakinan diri dan berani menerima cabaran. Ahli JKKK perlu sentiasa peka dan berani menerima segala cabaran dan sanggup menerima dan menyelesaikan masalah penduduk dan

kampung. Penduduk setempat tidak akan menyuarakan masalah jika mereka meragui keyakinan diri ahli JKKK di kawasan mereka.

Pemimpin biasanya diklasifikasikan sebagai golongan elit. Ahli JKKK yang bertindak sebagai pemimpin kepada masyarakat setempat dianggap sebagai golongan elit kepada masyarakat. Justeru itu, sebagai elit, Pengerusi JKKK dan ahli-ahlinya mesti mempunyai pemikiran yang dinamik dalam mentadbir kawasan kampungnya. Sartono (1984: 32) menyatakan bahawa istilah “*elite*” sekarang umumnya digunakan untuk menyebut kelompok-kelompok fungsional dan pemangku jabatan yang memiliki status tinggi dalam suatu masyarakat.

Seorang pemimpin juga mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri. Gaya kepimpinan sebagai cara seseorang pemimpin mempengaruhi anggota kelompoknya dalam usaha untuk mencapai matlamat kelompok itu. Terdapat tiga jenis gaya kepimpinan dengan ciri tersendiri yang menerangkan interaksi antara pemimpin dengan pengikutnya iaitu autokratik, demokratik dan “*laissez-faire*”. Maimunah (1999: 290) menjelaskan gaya-gaya kepimpinan seperti:

“Kepimpinan autokratik menerangkan suasana hubungan secara satu hala antara pemimpin dan pengikut. Segala keputusan dasar perancangan dan pelaksanaan kelompok ditentukan oleh pemimpin sahaja. Kepimpinan demokratik pula ialah pemimpin menggalakkan anggota kelompok mengambil bahagian bersamanya dalam hal membuat keputusan. Ini kerana kepimpinannya berkekeluargaan bahawa anggota dalam kelompok berupaya membuat keputusan sendiri dan melaksanakannya. Pemimpin *laissez-faire* atau bebas hanya bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat dan sumber-sumber fizikal. Pemimpin hanya mempunyai kuasa yang sedikit dalam membuat keputusan, dan kebanyakannya bergantung kepada budi bicara anggota-anggotanya”.

Gaya kepimpinan juga mempengaruhi hubungan antara pemimpin dengan kelompok yang dipimpinnya. Gaya kepimpinan JKKK banyak mempengaruhi keputusan dan pandangan masyarakat terhadap organisasi JKKK. Gaya kepimpinan ini bergantung kepada situasi dan persekitaran semasa. Namun, gaya kepimpinan JKKK harus menitikberatkan persepsi masyarakat kerana terikat dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Kepimpinan dalam masyarakat perlu dijalankan mengikut norma sosial dan kebudayaan yang tidak bertulis dan diandaikan setiap individu mengetahuinya. Hubungan erat dan kemesraan yang baik antara anggota-anggota dan pemimpin sangat dipentingkan supaya masyarakat sentiasa bersatu (Maimunah, 1999: 292).

## **2.4 Teori Organisasi**

Henry Fayol (1841-1925) mengemukakan teori organisasi yang melihat pengurusan organisasi sebagai satu fungsi pentadbiran. Beliau membezakan di antara kemahiran teknikal dengan kemahiran pengurusan dan menghuraikan dengan lebih lanjut lagi fungsi pengurusan iaitu perancangan, penyusunan, pengarahan, penyelarasan dan pengawalan. Terdapat 14 prinsip pengurusan mengikut teori organisasi seperti:

- i) Pembahagian kerja;
- ii) Kewibawaan;
- iii) Disiplin;
- iv) Menerima arahan orang lain;
- v) Seorang ketua bagi satu unit bahagian;
- vi) Mementingkan kehendak masyarakat daripada kehendak individu;
- vii) Gaji atau upah;
- viii) Pemusatan;
- ix) Aliran kewibawaan;
- x) Mengikut arahan;

- xi) Persamaan;
- xii) Kestabilan kerja;
- xiii) Inisiatif atau daya usaha; dan
- xiv) *Espirit de crops*.

Teori ini memperlihatkan kemahiran pengurusan sesebuah organisasi. Peranan dan fungsi organisasi JKKK yang dianggap sebagai satu organisasi yang berorientasikan kepada kepentingan penduduk dalam sesebuah kawasan seliaanya. Segala isu-isu yang berkaitan dengan komuniti terutamanya di luar bandar sentiasa didahulukan supaya segala kepentingan serta kehendak mereka dapat dipenuhi demi menjaga kebajikan golongan berkenaan. Selain itu, ia penting sebagai satu *platform* untuk membina hubungan yang baik antara organisasi JKKK dengan penduduk setempat.

## **2.5 Kepimpinan Politik**

Keberkesanan kepimpinan politik adalah petunjuk utama yang menjadi asas sesebuah sistem politik yang stabil sama ada ketika mengatasi konflik dalaman ataupun sebagai perancang dasar dan strategi untuk peningkatan pembangunan negara. Sesuatu sistem politik tidak akan berjaya dikembangkan sebagai sistem yang diterima umum sekiranya kepimpinan politik itu lemah, rasuah dan tidak mempunyai komitmen yang kuat terhadap kepentingan bangsanya. Perubahan berkenaan didorong oleh aneka situasi yang berpotensi sehingga terjadinya rentak perubahan pola yang kompleks. Sebagai teraju utama, seseorang pemimpin tersebut dipertanggungjawab terhadap segala elemen yang berlaku dalam apa jua aspek baik politik, sosial atau ekonomi.



Dalam kehidupan masyarakat, misalnya dalam sekelompok sosial terdapat salah seorang daripada anggota kelompok yang dilantik sebagai ketua dan kepadanya diberikan tanggungjawab secara langsung untuk menyusun atur kelompok berkenaan (Keesing, 1989). Asas pemilihan seorang ketua adalah terhadap individu yang dianggap mempunyai kelebihan yang jauh berbanding dengan anggota lain dalam kelompok itu (Geertz, 1957). Ketua yang dilantik itu dipilih dan secara universal mempunyai ciri-ciri tertentu seperti umur, kedudukan, ekonomi yang mantap dan berketurunan keluarga yang disegani. Ketua dalam komuniti kelompok sosial dikenali sebagai pemimpin (Mazidah, 1967) yang merujuk kepada orang yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain melalui pemikiran, kedudukan, perkataan dan tindakan (Shamsul, 1990: 100). Pemimpin yang dipilih atau dilantik daripada kalangan individu dalam masyarakat mempunyai peranan utama terhadap sesebuah organisasi, pertubuhan, parti politik atau negara secara keseluruhannya. Proses evolusi peranan seorang pemimpin terhadap tanggungjawabnya itu menggambarkan kemampuan kepimpinannya sebagai pemimpin.

Peranan kepimpinan ialah memberi orientasi kepada sesebuah organisasi dan cuba mempengaruhi pandangan masyarakat. Menurut Case (1933), kepimpinan sebenarnya didasari oleh tiga faktor, iaitu sifat personaliti pemimpin, tabii kelompok dan para anggota yang dipimpin dan peristiwa seperti perubahan atau masalah yang dihadapi oleh kelompok. Perbincangan klasik mengenai kepimpinan telah dilakukan oleh Weber (1968) yang mengaitkan kepimpinan seseorang dengan penggunaan kuasa dan autoriti (wibawa). Terdapat tiga model autoriti iaitu autoriti tradisi,

autoriti karismatik dan autoriti perundangan atau sah-rasional (*legal-rational authority*) (Weber, 1968).

Autoriti tradisi adalah bersandar kepada kepercayaan yang sukar diubah kerana telah tertanam sekian lama. Ia berkaitan dengan kepercayaan yang membudayakan tradisi lama tentang kesahihan kedudukan mereka yang tetap atau kekal berada di bawah satu autoriti tradisi. Autoriti tradisi hanya diberikan kepada ketua yang berada di hierarki tertinggi yang diturunkan secara tradisi dan diikat pula oleh tradisi itu, misalnya raja atau sultan. Tidak semua individu yang dilantik sebagai pemimpin memiliki autoriti ini.

Autoriti karismatik pula adalah berasaskan kurniaan yang khusus dan luar biasa. Individu yang memiliki autoriti ini dipatuhi kerana kepercayaan terhadap keperibadian, pemikiran, tindakan, dan ciri teladannya termasuk dalam ruang lingkup kepercayaan mengenai karisma. Seorang pemimpin boleh dianggap berkarisma sekiranya beliau memiliki ciri-ciri keupayaan yang membezakan dirinya daripada orang lain atau ia wujud dalam imaginasi pengikutnya sahaja. Weber (1968) menegaskan bahawa unsur yang menentukan keabsahan karisma ialah pengiktirafan orang bawahan terhadap autoriti yang ada pada pemimpin berkenaan. Pemimpin berkenaan perlu menunjukkan kemampuannya sebagai seorang pemimpin yang benar-benar berkeupayaan untuk membolehkannya mengekalkan kuasanya.

Sementara autoriti perundangan atau legal-rasional menurut Weber sangat bergantung kepada keabsahan terhadap pola dan aturan-aturan normatif dan hak bagi mereka yang memperolehi autoriti berkenaan untuk melaksanakan kuasanya.

Kepatuhan terhadap autoriti ini diikat oleh garis panduan yang tidak diasaskan oleh perasaan peribadi dan ia hanya boleh diamalkan oleh individu atau kumpulan yang menduduki atau memegang sesuatu jawatan (Aminuddin & Mohd Ali, 1988). Autoriti jenis ini adalah asas bagi setiap individu yang dilantik menjadi pemimpin secara perlembagaan atau undang-undang. Autoriti ini bukan abstrak tetapi suatu yang objektif secara sah.

Implikasi kepada pemimpin karismatik ialah jika seseorang individu itu digelar sebagai seorang yang berkarismatik maka ada kecenderungan bagi pemimpin berkenaan terpengaruh dengan ‘gelaran’ tersebut dan ia akan bertingkah laku seolah-olah seperti orang yang sangat berkarisma. Ini bermakna label berkenaan akan mempengaruhi individu untuk mengubah tingkahlakunya. Selain itu, jika pengikut terlebih dahulu diberitahu bahawa pemimpin mereka adalah seorang pemimpin yang berkarisma, persepsi mereka tentang apa yang dikatakan karismatik akan memberi kesan terhadap tingkah laku pengikut itu kepada pemimpinnya.

Dari dimensi lain, kemampuan seseorang pemimpin dalam menjalankan proses kepimpinan politik bergantung juga kepada beberapa faktor antaranya ialah kemahiran mengatur strategi, kepintaran memanipulasi autoriti yang ada, karismatik dan instrumen yang ada padanya. Tidak semua pemimpin memiliki karisma kerana karisma hadir dalam diri seseorang secara tersendiri tidak dicipta, dipelajari dan dimodifikasi. Ia bersifat abstrak dan hanya orang lain yang dapat menilai wujud atau tidak karisma pada seseorang pemimpin itu. Berbeza dengan instrumen yang bermaksud unsur yang boleh dicipta dan menjadi rangkaian yang dapat digunakan oleh pemimpin berkenaan dalam proses kepimpinannya.

Dalam konteks politik, apakah konsep karismatik idea Weber ini wujud? Pengkaji mendapati bahawa memang wujud idea berkenaan dalam politik sebagaimana yang dinyatakan melalui ciri-ciri kepimpinan tokoh yang dipilih. Pemimpin politik akan memilih instrumen kompromi, tawar-menawar atau konsensus interaksi antara individu, kelompok atau etnik dalam masyarakat bagi menjamin keharmonian sesebuah negara serta kesinambungan kepimpinan itu sendiri. Untuk itu, kepimpinan politik mempunyai peranan utama dalam menentukan prestasi pembangunan sesebuah negara. Keberkesanan kepimpinan di sini merujuk kepada kemampuan pemimpin meningkatkan keupayaan pemerintahan yang diterajui serta kebijaksanaannya dalam mewujudkan suasana politik yang stabil bagi memastikan dasar yang diprogramkan dapat dilaksanakan dan mencetuskan transformasi dalam masyarakat dan negara.

Dalam huraian tentang beberapa konsep kepimpinan di atas, terdapat beberapa elemen yang perlu ada pada seorang pemimpin terutamanya dalam kepimpinan JKKK. Pertama, personaliti dan ketrampilan yang menarik. Personaliti yang menarik secara fizikal akan mengundang persepsi umum bahawa seseorang individu itu berpotensi menjadi pemimpin. Kedua, ilmu pengetahuan yang boleh membina jaringan dan tahap kemampuan sebagai pemimpin. Ilmu pengetahuan yang dimiliki membolehkan seseorang pemimpin bertindak lebih matang dalam mengatur organisasi, parti dan negara. Sebagaimana dikupas oleh Weber (1968), tanpa kuasa, kepimpinan tidak mempunyai makna kerana ia dianggap tidak mempunyai legitimasi. Apabila beberapa unsur ini dimiliki oleh seseorang pemimpin, maka kepimpinannya akan menjadi lebih berkesan dan mantap.

## 2.6 Kesimpulan

Apa yang telah dibincangkan dapat mengukuhkan pemahaman dari segi konseptual dan teoritikal berkenaan kepimpinan JKKK. Perkara ini sangat penting dalam menilai peranan JKKK dalam pembangunan masyarakat luar bandar. Aspek kepimpinan, program pembangunan dan kerjasama antara pemimpin dan komuniti kampung merupakan perkara penting di dalam menentukan keberkesanan organisasi JKKK dalam membangunkan masyarakat kampung. Pemimpin yang tidak berupaya menerajui organisasi ke arah suatu matlamat yang jelas boleh menyebabkan organisasi seperti JKKK gagal memenuhi impian masyarakat luar bandar khususnya.

Pengurusan yang lebih efektif dan dinamik akan memastikan kampung-kampung terbabit berdaya saing dan maju. Justeru itu, JKKK perlu melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran khususnya mengenai dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kebolehan JKKK dan ahli-ahlinya menyampaikan mesej-mesej kerajaan negeri kepada rakyat menerusi komunikasi dan pendekatan berhemah merupakan antara acuan kecemerlangan sesebuah kampung. JKKK perlulah sentiasa utamakan kejayaan pembangunan setempat dan menjaga kebajikan penduduk. Hal ini boleh menjana imej organisasi JKKK serta memenuhi aspirasi kerajaan. Semangat permuafakatan yang terjalin dapat menjamin kejayaan misi dan visi program pembangunan bagi sesebuah kampung.

## **BAB 3**

### **SEJARAH PENUBUHAN JKKK DALAM SISTEM PENTADBIRAN MALAYSIA**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang penubuhan JKKK. Disebabkan JKKK merupakan organisasi terendah dalam sistem pentadbiran, dalam bab ini juga dibincangkan secara ringkas sistem pentadbiran negeri terlebih dahulu. Selepas itu baharulah dibincangkan tentang sejarah dan perkembangan JKKK di Malaysia khususnya di Terengganu.

#### **3.2 Sistem Pentadbiran Negeri**

Sistem pentadbiran kerajaan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai sedikit perbezaan dengan Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, sistem pentadbiran negeri diterajui oleh Sultan atau Raja, di mana kuasa pentadbiran diterajui oleh pejabat Menteri Besar (MB) atau Ketua Menteri (KM). MB atau KM dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang dilantik daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang telah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Manakala Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) merupakan ketua pentadbir bagi penjawat awam bagi seluruh negeri berkenaan. Manakala dari segi pembahagian kuasa di peringkat negeri, ia dipecahkan kepada daerah, mukim dan kampung. Di samping itu, setiap daerah memiliki Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenali sebagai kerajaan tempatan.

Selepas Pejabat SUK dan PBT yang terdapat di setiap daerah, jentera pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia termasuklah Terengganu dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

**a) Pentadbiran Daerah**

Sebuah negeri dipecahkan kepada beberapa daerah. Tiap-tiap daerah ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah yang dilantik oleh kerajaan negeri melalui SUK. Pegawai Daerah bertanggungjawab kepada SUK, dan bertanggungjawab dalam melaksanakan perancangan pembangunan dalam kawasan daerah yang berkenaan.

**b) Pentadbiran Mukim**

Setiap daerah terbahagi kepada beberapa mukim bertujuan memudahkan pentadbiran di peringkat tempatan. Mukim diketuai oleh seorang Penghulu ataupun Penggawa (Kelantan). Di setiap mukim terdapat Pejabat Penghulu atau Pejabat Penggawa bagi memudahkan lagi urusan pentadbiran antara rakyat dan kerajaan. Peranan utama Penghulu ialah membantu Pejabat Daerah dan agensi-agensi kerajaan negeri yang lain dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi di kampung-kampung yang berada di bawah seliaannya dalam mukim tersebut. Atas faktor tersebut Penghulu bertindak sebagai penasihat kepada JKKK yang ditubuhkan di setiap kampung.

### c) **Pentadbiran Kampung**

Setiap mukim mengandungi kampung-kampung tertentu. Pentadbiran peringkat kampung diuruskan oleh JKKK bagi membantu Ketua Kampung atau Penghulu. Di Semenanjung Malaysia, JKKK dan Ketua Kampung dilantik daripada kalangan ahli-ahli parti politik tertentu khususnya parti yang memerintah. JKKK dan institusi Ketua Kampung kini dilihat sebagai sebuah institusi tradisional yang ditaja oleh kerajaan. JKKK dan Ketua Kampung bertanggungjawab untuk menjaga keamanan, keselamatan kampung dan menjadi penghubung antara orang kampung dengan Pegawai Daerah serta sebagai pembantu kepada Penghulu atau Peggawa.

### **3.3 Pengasasan JKKK: Sejarah dan Evolusi**

Struktur kepimpinan peringkat kampung pada zaman dahulu mempunyai kaitan yang rapat dengan unsur kekeluargaan. Ahli keluarga yang mempunyai pendidikan yang tinggi dalam bidang agama seringkali dilantik menjadi ketua atau wakil kepada sesebuah masyarakat. Selepas itu, sistem ini telah berubah dengan mengambil kira beberapa kampung yang mempunyai penduduk yang ramai dianggap dari segi pentadbiran ramai jumlahnya untuk menjadi satu unit yang dikelolakan di bawah satu khariah. Biasanya, jika sesebuah penempatan mempunyai 100 hingga 150 keluarga, maka kampung itu dianggap satu khariah di bawah jagaan satu ketua keluarga (Abdul Latif, 1989). Disebabkan berlakunya perubahan-perubahan ekonomi, sosial dan politik, ia menyebabkan bidang tugas Ketua Kampung semakin besar dan bertambah. Ketidakmampuan Ketua Kampung memikul tanggungjawab secara



bersendirian menyebabkan timbulnya idea daripada pihak kerajaan untuk menubuhkan badan khas bagi membantunya.

Penggemblengan tenaga dan usaha antara pihak kerajaan dan rakyat adalah amat perlu ke arah membangunkan negara. Kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat bertindak merancang dan melaksanakan dasar-dasar untuk memajukan negara. Oleh sebab itu, kerajaan memerlukan kerjasama daripada seluruh masyarakat bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Masyarakat pula memerlukan bimbingan, sokongan dan peluang-peluang dalam usaha mereka untuk membangun. Atas dasar inilah, kerajaan telah menubuhkan JKKK yang merupakan nadi dan teras kepada pembangunan negara, khususnya di kawasan luar bandar.

Dengan itu, wujudlah organisasi baharu di peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK).<sup>1</sup> Seorang ketua kampung dikehendaki menjadi Pengerusi jawatankuasa tersebut. Akhirnya, fungsi dan peranan organisasi ini telah dikemaskini yang kini dikenali Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).<sup>2</sup> Menurut Wan Kemat (1997), fungsi dan bidang tugas JKK telah disemak dan diperkemaskan dari semasa ke semasa sesuai dengan dasar dan matlamat pembangunan negara. Melalui pengenalan Rancangan Gerakan Maju (1966), Jaya Diri (1968) dan Gerakan Pembaharuan (1972), Majlis Keselamatan Negara mengenai Rukun Tetangga dan Rancangan Perhubungan Masyarakat telah

---

<sup>1</sup> Arahan No. 3 Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. JKK ditugaskan menjadi badan penggerak di peringkat kampung untuk mengatasi empat jenis masalah iaitu kemiskinan, kurang kesihatan buta huruf dan kecuaiian. (Malaysia, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1966)

<sup>2</sup> Pada 10 Ogos 1975, peranan dan fungsi JKKK mengalami proses kemaskini dan kemantapan apabila nama JKK diubah menjadi JKKK.

menyebabkan nama JKK telah ditukarkan menjadi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) bermula pada bulan Ogos 1975.

Dengan kata lain, sejarah penubuhan JKKK dahulunya dinamakan JKK bermula sejak 1962 melalui Arahan No. 3 Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada masa itu JKK ditugaskan menjadi badan penggerak di peringkat kampung untuk mengatasi empat jenis masalah masyarakat iaitu kemiskinan, masalah kesihatan, buta huruf dan kecuaiian. Selaras dengan pertukaran nama JKK kepada JKKK, tanggungjawab badan berkenaan dilihat turut dipertingkatkan.

Antara tugas-tugasnya JKK seperti membabitkan soal pentadbiran, pembangunan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, keagamaan dan kerohanian, keselamatan dan program pembangunan rakyat termiskin (PPRT). Melalui tugas-tugas yang diberikan kepadanya menunjukkan bahawa JKKK merupakan mata dan telinga bagi pihak kerajaan untuk mengukuhkan kestabilan serta kedudukan negara. JKKK telah diiktiraf sebagai sebuah badan perhubungan di antara penduduk kampung dengan kerajaan dalam tahun 1972. Ketua-ketua kampung berperanan sebagai Pengerusi JKKK manakala ahli-ahli JKKK yang lain bertindak sebagai satu badan pentadbiran yang bertanggungjawab di peringkat akar umbi dalam struktur pentadbiran sesebuah kampung.

Oleh itu, di dalam usaha untuk membangunkan masyarakat pula, satu pengemblengan usaha dan tenaga antara pihak kerajaan dan masyarakat perlu diwujudkan kerana anggota masyarakat terutamanya di kampung-kampung amat memerlukan bimbingan, sokongan serta peluang-peluang untuk terus membangun

sementara pihak kerajaan pula memerlukan kerjasama dan tindakan positif masyarakat untuk menjamin pembangunan yang menyeluruh. Dengan ini, masyarakat di luar bandar atau penduduk-penduduk kampung terutamanya badan JKKK perlulah memahami konsep dan rancangan pembangunan masyarakat supaya JKKK mampu serta dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan yang telah ditetapkan.

### **3.4 Peranan dan Tanggungjawab JKKK**

Menurut Laporan Profiling Daerah Kuala Terengganu (2009), antara peranan dan tanggungjawab JKKK ialah:


- i) JKKK sebagai badan perancang dalam menentukan strategi dan pelaksanaan program-program atau projek-projek pembangunan di dalam kampung;
- ii) JKKK menentukan senarai keutamaan projek-projek pembangunan di dalam kampung;
- iii) JKKK sebagai badan penyelaras pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan di dalam kampung;
- iv) JKKK sebagai badan yang menilai kemajuan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan di dalam kampung;
- v) JKKK adalah sebagai mata dan telinga kerajaan di peringkat kampung yang melaporkan segala masalah negara seperti anasir-anasir komunis, subersif, anti-national, kemasukan pendatang haram, penyeludupan, kegiatan penyalahgunaan dadah dan kegiatan penyelewengan ajaran Islam kepada pihak berkuasa atau Pegawai Daerah;
- vi) JKKK adalah sebagai badan perantaraan atau perhubungan dua hala antara wakil-wakil rakyat dan pegawai kerajaan dengan penduduk-penduduk kampung;
- vii) JKKK menjadi badan penggerak dan berkeupayaan mengembeling tenaga, sumber pembangunan dan perubahan sikap masyarakat di

peringkat kampung untuk tujuan mempertingkatkan lagi daya pengeluaran; dan

- viii) JKKK hendaklah menyimpan segala rekod rancangan pembangunan fizikal dan masyarakat di dalam kampung dengan mengadakan Bilik Gerakan Kampung yang dilengkapi dengan data, peta, carta dan lain-lain perkara mengenai kampung.

JKKK di dalam sesebuah masyarakat memainkan peranan penting dalam memajukan dan memakmurkan sesebuah komuniti. JKKK menjadi orang perantaraan yang boleh menyampaikan mesej-mesej kerajaan di samping membantu menangani masalah-masalah di peringkat komuniti. JKKK merupakan organisasi yang boleh digerakkan dalam menjalankan peranan dan tugasnya bagi pembangunan komuniti. JKKK berperanan sebagai mata dan telinga kerajaan dalam memastikan pembangunan, kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung terjamin. JKKK selaku pimpinan terdekat dengan rakyat hendaklah sentiasa memandang ke hadapan dan peka dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung yang sememangnya memerlukan bantuan daripada JKKK.

Rajah 3.1: Kedudukan JKKK Dalam Jentera Kerajaan



(Sumber: Laporan Seminar JKKK, 1978)

### 3.5 Kaedah Pelaksanaan Tugas JKKK

JKKK bertanggungjawab dalam merancang, menggunakan sumber-sumber yang ada, menyatu padukan penduduk serta membina kehidupan masyarakat kampung yang sejahtera. Bagi melaksanakan tugas-tugas dan peranan-peranan JKKK, terdapat beberapa kaedah atau prosesur yang harus diikuti oleh JKKK iaitu:

#### a) Mengadakan Mesyuarat

Ahli JKKK akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kampung. Beberapa perkara yang ditimbulkan

ialah tempat, tarikh mesyuarat dan panggilan mesyuarat, mengendalikan mesyuarat (atau perjalanan mesyuarat), mencatat minit mesyuarat dan mengedarkan minit mesyuarat, perbelanjaan dan kelengkapan untuk mengadakan mesyuarat serta memberitahu keputusan mesyuarat.

**b) Mengadakan Rundingan**

Beberapa ahli JKKK akan merundingkan masalah dan perkara yang berkaitan dengan kampung atau jabatan-jabatan. Jika perkara itu tidak dapat diselesaikan, JKKK akan melantik badan perunding bagi merunding perkara tersebut. Segala keputusan rundingan hendaklah diberitahu di dalam mesyuarat dan selepas itu keputusan perlu dihebohkan kepada penduduk kampung.

**c) Mengadakan Perjumpaan**


JKK juga boleh mengadakan perjumpaan di antara ahli JKKK dengan pegawai-pegawai kerajaan bagi memudahkan segala urusan pentadbiran. Berdasarkan kepada matlamat penubuhan organisasi ini memainkan peranan yang aktif bagi membangunkan masyarakat luar bandar. Masyarakat luar bandar perlu dibangunkan tanpa mengorbankan nilai-nilai murni yang sedia ada, ternyata peranan yang dimainkan oleh JKKK telah berjaya membantu pihak kerajaan membangunkan masyarakat luar bandar.

Oleh itu, badan ini bertindak untuk memberikan galakan supaya setiap komuniti di kawasan luar bandar khususnya penduduk di kawasan kajian untuk sentiasa mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat. Namun demikian, semua aspek di atas tidak akan berfungsi dengan sempurna tanpa pemimpin yang berwibawa kerana dapatan daripada kajian-kajian kepimpinan menyatakan bahawa kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada kepimimpinnya.

Badan JKKK memerlukan lebih banyak sokongan serta penyertaan aktif dalam kalangan penduduk supaya ia dapat meningkatkan kecekapan di samping memperbaiki kelemahan yang wujud. Daripada perbincangan masalah yang dihadapi oleh JKKK, ia menunjukkan bahawa kekurangan sokongan yang diterima menyumbang berlaku kelemahan dari segi proses pelancaran tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan kepada JKKK.

Kerjasama, kesepaduan dan kesepakatan semua penduduk amat diperlukan supaya JKKK dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selain itu, kerjasama serta sokongan yang jitu turut diperlukan oleh JKKK untuk memperbaiki setiap kelemahan yang wujud semasa proses mentadbir, merancang serta melaksanakan proses kemajuan dan pembangunan di kawasan luar bandar.

Rajah 3.2: Struktur Pentadbiran JKJK



(Sumber: [www.terengganu.gov.my](http://www.terengganu.gov.my))

### 3.6 Peranan JKJK Dalam Pembangunan Komuniti Setempat

Sebagai sebuah organisasi sosial yang mewakili penduduk kampung, JKJK merupakan salah satu saluran untuk menyalurkan projek-projek pembangunan ke sesebuah kampung. Selain daripada itu ia juga memainkan peranan secara langsung sebagai agen perubahan. Agen perubahan mempunyai peranan bukan sahaja dalam



memperkuat jalinan sistem-sistem masyarakat, tetapi juga memantapkan organisasi yang telah menerima mandat untuk menjalankan tugas-tugas memantau pembangunan sesebuah kawasan.

Lippert, Watson dan Wesley (1958) (dipetik Maimunah, 1989: 211) telah menghuraikan agen perubahan sebagai individu-individu yang mempunyai tugas dan peranan dalam pergolakan suatu sistem sosial dan pergolakan itu menuju ke arah pembangunan masyarakat. Manakala Hardcastle, Wenocur dan Powers (1997: 1) telah mengutarakan bahawa tugas atau kerja yang melibatkan komuniti merupakan kerja pada peringkat makro, di mana ia melibatkan kemahiran yang berkaitan dengan menguruskan organisasi, sebagai perancangan sosial dan juga sebagai penggerak tindakan sosial.

### **3.6.1 Agen Perubahan**

Setiap ahli JKKK perlulah memahami tugas mereka dengan mendalam tentang matlamat pembangunan. Berdasarkan kepada tugas-tugas yang telah disenaraikan ternyata organisasi JKKK mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan masyarakat setempat. Menurut Ishak (1979), tugas ahli JKKK ialah bertindak sebagai orang yang menentukan rancangan yang akan dilaksanakan mengikut keperluan setempat, menentukan keutamaan projek, melaksanakan projek, bertindak sebagai penghubung dan sebagai guru. Tugas yang dimainkan oleh JKKK ini adalah sama dengan apa yang telah dinyatakan oleh Skidmore (1997) iaitu tugas yang perlu dimainkan oleh pekerja sosial peringkat komuniti ialah sebagai guru, peransang, pemudahcara dan juga sebagai penghubung. Manakala Clarke (1996) tugas

pembangun komuniti ialah sebagai perancang, peransang, penasihat dan penggerak kepada sesuatu tindakan sosial.

Berdasarkan penerangan di atas, ia jelas menunjukkan peranan dimainkan oleh JKKK amat besar dan berat ke arah pembangunan komuniti setempat. Oleh sebab itu, ia memerlukan komitmen dan semangat sukarela yang tinggi demi kepentingan rakyat setempat. Bagi tujuan tersebut, JKKK perlu mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, berkebolehan dalam menguruskan organisasi dan bertindak sebagai orang tengah yang adil dan saksama dalam membuat sesuatu keputusan. Semangat kesukarelaan amat dituntut daripada JKKK kerana jawatan yang disandang oleh mereka selama dua tahun hanya diberikan elaun bulanan sahaja.

Sebagai agen pembangunan dan perubahan di peringkat tempatan, JKKK perlu mempunyai tahap pendidikan dan ilmu yang tinggi tentang ilmu yang tinggi dalam masyarakat. Tanpa ilmu, pengalaman dan pendidikan yang tinggi, amat sukar bagi ahli-ahli JKKK dalam memikul tanggungjawab dan peranan untuk membangunkan penduduk kampung. Justeru itu, organisasi JKKK itu sendiri perlu terlebih dahulu dimantapkan.

Tugas JKKK sebagai perancang setempat berdasarkan kepada keadaan semasa. Sebagai contohnya, penubuhan beberapa buah pusat bimbingan kanak-kanak di kampung-kampung. Penubuhan pusat bimbingan kanak-kanak bertujuan memberikan pendidikan asas kepada kanak-kanak dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang menyediakan kemudahan tenaga pengajar dan kelengkapan. Di samping itu, JKKK juga bertindak sebagai peransang kepada

penduduk kampung dengan memberikan galakan kepada anak-anak kampung yang masih bersekolah dengan mengadakan kelas-kelas tambahan pada waktu malam, kelas pendidikan agama dengan kerjasama Jawatankuasa Khairiah Masjid dan mengadakan majlis bacaan yasin.

Bagi tugas sebagai penghubung pula, peranan JKKK dapat dilihat menerusi peranan yang dimainkan oleh JKKK sebagai orang tengah yang menghubungkan penduduk kampung dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti:

- i. Pejabat Tanah bagi urusan yang berkaitan dengan permohonan tanah, cukai;
- ii. Jabatan Pertanian urusan yang berkaitan dengan kupon baja dan subsidi padi, permulaan penanaman padi;
- iii. Jabatan Kesihatan berkaitan dengan program kebersihan kampung dengan menyediakan kemudahan kesihatan yang melibatkan kesihatan penduduk kampung;
- iv. Jabatan Haiwan berkaitan dengan projek penternakan lembu, kerbau, kambing, ayam, pencegahan penyakit berjangkit yang melibatkan ternakan; dan
- v. Jabatan Polis bagi urusan yang berkaitan dengan keselamatan di dalam kampung.

Selain itu, JKKK boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat luar bandar, dengan membantu pihak kerajaan menyegerakan projek yang amat diperlukan di dalam kampung-kampung. Bantuan daripada JKKK kepada agensi-agensinya kerajaan adalah untuk menyelesaikan masalah pemilihan tapak projek,

membantu pembayaran pampasan, pemindahan dan pengambilan tanah yang melibatkan penduduk kampung.

### **3.6.2 Pendekatan Kerajaan Negeri Terhadap JKKK**

Menyedari hakikat pentingnya pembangunan fizikal, mental dan rohani kepada seluruh penduduk, kerajaan negeri telah melancarkan pelbagai program bagi menjayakan matlamat tersebut. Perkara ini dapat dilihat seperti apa yang telah dimainkan oleh JKKK di negeri Terengganu. Sebagai sebuah organisasi yang terlibat dalam membangunkan masyarakat kampung, JKKK terlibat secara langsung dengan projek-projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan. JKKK perlu membuat perancangan yang teliti berdasarkan kepada keperluan seluruh penduduk dengan mengemukakan permohonan bertulis melalui Penghulu mukim untuk dimajukan kepada Jabatan Pembangunan Negeri. Bagi projek yang melibatkan jabatan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan lain-lain, JKKK hendaklah mendapatkan pandangan dan nasihat melalui Pejabat Daerah di dalam mesyuarat Penyelarasan Mukim.

JKKK turut mempunyai peranan penting dalam pengurusan projek dengan cara mengawasi semua pelaksanaan projek dan melaporkan kemajuan projek kepada Jabatan Kemajuan Negeri. JKKK juga bertindak sebagai badan penilai atau membuat laporan ke atas projek-projek yang dilaksanakan dalam kawasan masing-masing jika berlaku sebarang masalah. Peranan tersebut bertujuan bagi membantu agensi pelaksanaan membuat penilaian semula pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri juga telah menggariskan satu wawasan bagi memajukan semua kampung di negeri Terengganu. Bagi memastikan kejayaan ini, kepimpinan JKKK perlulah memahami dengan jelas wawasan tersebut dan melaksanakan fungsi JKKK seperti berikut:

- a. Menyediakan profil kampung yang sentiasa dikemaskini, mengemaskini bilik gerakan pembangunan kampung dan menyiapkan rekod rancangan pembangunan masyarakat dan minit-minit mesyuarat;
- b. Merancang projek-projek pembangunan masyarakat dan kegiatan sosio-ekonomi untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk melalui kegiatan industri hiliran dan industri kampung;
- c. Menjadi penggerak bagi mempertingkatkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan keagamaan selaras dengan pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi, mulia dan bermartabat;
- d. Berusaha untuk menjadikan kawasan kampung yang bersih, menarik, menguntungkan dan maju;
- e. Menjadi penggerak kepada amalan kerja dan semangat gotong-royong, kerjasama dan penglibatan menyeluruh rakyat ke arah melahirkan masyarakat penyayang, kejiranan yang berdisiplin, kreatif dan produktif melalui penubuhan badan-badan sukarela dan aktiviti kemasyarakatan;
- f. Menjadi agen atau organisasi yang mengawal keselamatan dan mewujudkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dengan membendung gejala pelampau agama, aktiviti-aktiviti anti perpaduan, masalah remaja, dadah dan lain-lain;
- g. Membantu agensi kerajaan dalam pengawasan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan;
- h. Menjadi agen di dalam pembangunan sumber manusia dan pembangunan rohani untuk membolehkan anak-anak kampung mengambil bahagian dalam pembangunan industri dan pembangunan insan yang boleh mengubah sikap dan mental rakyat bersama-sama untuk berdikari;
- i. Bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dalam mendorong menggerak dan mencetuskan idea yang dapat menyediakan rakyat menerima pembangunan; dan

- j. Mengadakan mesyuarat bulanan JKKK yang berjadual dan menyediakan minit mesyuarat untuk diedarkan ke Pejabat Daerah, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

### **3.6.3 Sebagai Pemimpin Barisan Hadapan**

JKKK juga merupakan sebuah organisasi yang mentadbir kampung yang berhadapan secara terus dengan anggota-anggota masyarakat setempat. Oleh itu, ia mempunyai peranan yang besar dalam memaju dan melaksanakan tugas tertentu bagi kemajuan sesebuah tempat. Menurut Habermann (1978) (dipetik Maimunah, 1989) terdapat lima peranan utama yang boleh dimainkan individu yang bertugas di “barisan hadapan” seperti berikut:

- i. Sebagai orang perantara;
- ii. Sebagai pembuka jalan;
- iii. Membentuk pengaruh di kalangan penerima atau penduduk setempat;
- iv. Sebagai pemimpin pendapat; dan
- v. Sebagai pemimpin dalam kelompok masyarakat.

Sekiranya peranan-peranan di atas dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, kepimpinan JKKK menjadi lebih berkesan dalam menjalankan tugas memajukan kampung dari segi pembangunan dan kerohanian. Sempena dengan bulan kebesaran Islam seperti sambutan Maal Hijrah dan perayaan Maulidur Rasul, satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang terdiri daripada JKKK, AJK Khariah Masjid dan individu tertentu telah menganjurkan majlis sambutan secara besar-besaran dengan mengadakan pelbagai pertandingan di antara penduduk kampung seperti tilawah al-Quran, azan, nasyid, pidato, bacaan surah-surah lazim dan

sebagainya. Pada setiap perayaan, jawatankuasa ini memilih seorang tokoh Maal Hijrah bagi lelaki dan tokoh ibu mithali bagi wanita, di mana program ini telahpun berjaya diadakan selama empat tahun berturut-turut.

#### **3.6.4 Pengurusan Pembangunan Ekonomi Kampung**

Peluang pembangunan ekonomi bukan sahaja terdapat di bandar. Malahan ia juga terdapat kampung. Di kawasan luar bandar terdapat bukit-bukau, sungai, tanah dan sumber alam yang boleh dieksploitasi untuk pembangunan ekonomi. Peranan penting yang boleh dimainkan oleh JKKK ke arah memajukan ekonomi kampung dengan mendorong perubahan sikap dalam kalangan penduduk kampung untuk memajukan diri masing-masing.

Asas pakatan bukan sahaja berasaskan kebajikan seperti gotong-royong, pakatan kenduri, khairat kematian, tetapi ia hendaklah menjurus kepada sudut membangunkan ekonomi bersama. JKKK juga boleh bertindak secara proaktif dalam membangunkan kampung dengan menjemput pegawai daripada pelbagai agensi untuk membincangkan bagaimana sumber bahan mentah yang terdapat di kampung dapat dieksploitasi sepenuhnya seperti buluh, rotan, tumbuhan herba dan sebagainya untuk dijadikan sumber pendapatan penduduk kampung. JKKK juga boleh memainkan peranan aktif dalam mengenal pasti kawasan tanah terbiar untuk diusahakan di bawah projek yang menguntungkan seperti penanaman sayur ataupun tanaman kontan yang mempunyai pasaran yang baik pada masa ini.

Bagi pemasaran hasil pertanian pula, JKKK boleh membentuk jaringan perhubungan dengan JKKK dari kawasan lain seperti kawasan yang mempunyai bahan mentah makanan seperti ikan dan sumber laut yang lain untuk dipasarkan ke kawasan pedalaman dan bahan mentah seperti sayur dan hasil tanaman dipasarkan ke kawasan tepi laut. Keadaan ini sudah tentulah akan memberikan pulangan yang lumayan kepada petani dan nelayan kerana sistem jaringan yang lebih cekap akan sampai kepada pengguna dengan harga yang lebih berpatutan.

### **3.6.5 Pengurusan Pembangunan Masyarakat**

Masyarakat di kampung-kampung pada hari ini perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan dari segi rohani dan jasmani. Perubahan masa telah menjadikan masyarakat kini lebih bersifat kolektif kepada individualistik. Masyarakat kampung pada masa ini terus dirancang untuk keuntungan oleh orang lain dan bukannya dirancang oleh penduduk setempat. Umpamanya kampung kehilangan anak muda dan wanita yang telah bekerja di kilang-kilang yang telah mula merosakkan sistem masyarakat kampung yang murni.

Oleh itu, JKKK perlulah mempunyai agenda tersendiri untuk membangunkan aspek sosial masyarakat kampung. JKKK boleh menggembungkan usaha bersama penduduk kampung serta syarikat ataupun kilang bagi menjalankan projek usahasama kepada penduduk kampung melalui projek satu kampung satu pengeluaran yang berasaskan sumber setempat. Melalui usaha ini, penduduk kampung tidak perlu meninggalkan rumah untuk bekerja kerana boleh menjalankan perusahaan ini di rumah mereka. Keadaan ini sudah tentulah dapat mengurangkan



pergerakan buruh dari kampung ke bandar dan sistem sosial masyarakat yang murni dapat dikekalkan.

### **3.7 Kesimpulan**

Sebagai sebuah organisasi sosial yang ditubuhkan di peringkat akar umbi JKKK telah berjaya memainkan peranannya berdasarkan senarai tugas yang diberikan oleh pihak kerajaan. Peranan yang telah dimainkan seperti agen perubahan, pekerja barisan hadapan, menguruskan pembangunan ekonomi setempat dan membantu menguruskan pembangunan masyarakat merupakan satu usaha yang murni serta menuntut tahap kesukarelaan yang tinggi bagi membantu membangunkan masyarakat sendiri.

JKKK mampu menjadi penghubung antara kerajaan dan masyarakat luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Kerajaan negeri amat memerlukan sokongan dan bantuan JKKK dan ketua kampung untuk memacu pembangunan bagi mencapai status negara maju menjelang 2020. Kemajuan pembangunan sesebuah kampung dan kawasan luar bandar banyak bergantung kepada kekuatan serta keprihatinan JKKK di sesuatu kawasan. Peranan pemimpin peringkat JKKK merupakan pengantara antara kerajaan negeri dan rakyat dalam melakar pembangunan, sekaligus kebajikan penduduk sentiasa terjamin.

Keprihatinan kerajaan dapat dilihat apabila kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk pembangunan kawasan luar bandar. JKKK yang aktif akan memberi kesan yang positif terhadap pembangunan sesebuah kawasan. Mungkin

sudah tiba masanya untuk JKKK di negeri Terengganu melakukan penilaian dan perubahan besar dalam kalangan Pengerusi JKKK dan ahli-ahli JKKK masing-masing. Keberkesanan JKKK ini harus diambil perhatian segera kerana jika dibiarkan berlarutan ia pastinya menjejaskan usaha untuk membangunkan sesebuah kampung.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

JKKK bukan sahaja sebagai pemimpin di peringkat akar umbi malah JKKK adalah *role model* kepada penduduk untuk menjadi lebih berdaya maju dan berdaya saing demi kemajuan kampung masing-masing. Kajian yang dijalankan ini adalah melibatkan penduduk-penduduk yang tinggal di tiga buah kampung di daerah Kuala Terengganu. Jawapan yang telah diberikan oleh responden adalah berdasarkan kepada temubual yang telah dilakukan. Daripada temubual, maklumat daripada responden dianalisis dengan harapan agar kepimpinan JKKK dapat ditingkatkan supaya JKKK mampu memainkan peranan sebagai ejen transformasi luar bandar yang lebih berinformasi, berpengetahuan, berkemahiran dan berintegriti.

#### **4.2 Perubahan Politik**

Menurut Ramanathan (1998: 283), perubahan politik bererti pertukaran dari satu tahap ke tahap yang lain sama ada dari segi fahaman politik penduduk setempat. Perubahan politik juga di sebabkan oleh dua faktor yang terdapat dalam sesuatu sistem politik iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah melibatkan penduduk setempat yang cuba merubah kerajaan yang memerintah manakala faktor luaran pula melibatkan kuasa asing yang terdapat dalam sistem politik tersebut. Anthony M. Orum menerusi karyanya *Introduction to Political*

*Sociology* (dipetik Ramanathan, 1998: 285) telah memberikan beberapa definisi mengenai perubahan politik ini seperti berikut:

- i) Tesis pertama mengatakan perubahan politik adalah usaha sengaja untuk menggantikan perwakilan sesebuah kumpulan yang sedang menguasai atau memegang institusi-institusi politik dengan satu kumpulan lain;
- ii) Tesis kedua menterjemahkan perubahan politik sebagai penglibatan dalam tindakan politik yang tidak berpihak kepada pemerintahan semasa. Mereka menyatakan perubahan boleh didapati dalam bentuk tertentu pendidikan kanak-kanak; dan
- iii) Tesis ketiga pula mengatakan perubahan merupakan perbezaan pemikiran dalam pegangan politik oleh generasi yang berbeza-beza terutamanya di kalangan orang dewasa dan remaja.

Perubahan politik yang berlaku selepas pilihan raya umum (PRU) ke-12 jelas memberikan kesan kepada JKKK. Ini adalah kerana selama ini JKKK merupakan organisasi yang dianggotai oleh ketua cawangan dan juga ahli jawatankuasa parti Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Perubahan struktur politik ini telah menyedarkan JKKK tentang peranan besar yang perlu dimainkan bukan setakat membangunkan kampung dari segi kemudahan asas tetapi juga menyediakan program yang bersifat kerohanian yang berteraskan Islam.

Pembangunan yang berteraskan keislaman amat dituntut pada masa ini kerana wujud ruang-ruang kosong dalam kalangan anak-anak muda khususnya di kampung-kampung yang terbabit sungguhpun pihak kerajaan telah melancarkan beberapa program yang menjurus kepada keislaman seperti perayaan menyambut hari kebesaran Islam setiap awal tahun atau Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Isra' Mik'raj, Nuzul Quran dan program tilawah al-Quran pada bulan Ramadhan. Justeru itu,

peranan JKKK dalam masyarakat kampung masih lagi diperlukan dan dihormati oleh anggota masyarakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa JKKK masih lagi mendapat kepercayaan penduduk kampung. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan ahli JKKK merupakan mereka yang telah dipilih sebagai ahli jawatankuasa UMNO di peringkat cawangan. Suara JKKK masih dihormati berdasarkan kepada sumbangan dan jasa mereka dalam membantu dan mengelolakan aktiviti-aktiviti yang diadakan di peringkat kampung. JKKK juga bertindak sebagai penasihat atau sebagai pengerusi jawatankuasa sambutan kepada program atau majlis yang dianjurkan di peringkat kampung.

Perubahan politik yang berlaku bukan disebabkan oleh faktor pembangunan fizikal di dalam kampung tersebut tetapi ia merupakan satu protes yang cuba ditunjukkan oleh penduduk kampung kepada individu tertentu yang menerajui kepimpinan parti politik. Parti pembangkang khususnya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bukanlah parti yang kuat pengaruhnya di kampung ini. Tetapi disebabkan hanya dua buah parti sahaja yang bertanding di dalam pilihan raya di kawasan ini misalnya di DUN Wakaf Mempelam, maka PAS menjadi pilihan untuk menjatuhkan kepimpinan UMNO sedia ada. Sekiranya terdapat lebih daripada dua parti yang bertanding di dalam pilihanraya yang lalu kemungkinan peluang PAS untuk memenangi kerusi adalah tipis. Menurut Gibbons (1988: 49) persaingan politik yang hebat antara UMNO dan PAS yang berterusan dan berpanjangan di kawasan luar bandar terutamanya di negeri-negeri di sebelah pantai timur.

Isu dan persoalan semasa boleh menjadi medium kepada sesuatu pihak untuk mendapat perhatian, simpati dan juga sokongan daripada anggota masyarakat.

Persoalan mengenai isu yang selalu dibawa oleh JKKK ialah berkaitan dengan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat seperti masalah penagihan dadah, keadaan ekonomi semasa seperti kejatuhan harga getah, kenaikan harga minyak masak, program ekonomi setempat seperti penetapan permulaan musim membajak. Isu-isu semasa yang perlu dititikberatkan oleh JKKK selepas berlakunya perubahan politik ini ialah mewujudkan isu-isu perpaduan di kalangan penduduk kampung menerusi aktiviti di masjid.

Terdapat ramai penduduk kampung yang masih menyokong JKKK yang ada sekarang apabila ahli yang ada sekarang masih mampu menjalankan tugas mereka. Daripada pemerhatian yang dijalankan menunjukkan JKKK kekurangan barisan pemimpin pelapis yang boleh mengambil alih jawatan daripada kepimpinan yang ada sekarang. Wujudnya satu ruang atau *vacuum* yang timbul apabila tiada usaha yang diambil untuk mengetengahkan barisan pemimpin muda bagi menyambung kepimpinan yang ada sekarang.

Perubahan pemikiran terhadap politik boleh difahamkan apabila ahli masyarakat yang berada di kampung-kampung ini sudah mula mengikuti perkembangan yang baik di dalam pemikiran terhadap politik kerana anggota masyarakat tidak terlalu bergantung kepada sesuatu sumber sahaja. Perubahan pemikiran ke arah yang lebih baik ialah melalui penyertaan di dalam pilihan raya. Setiap individu bebas untuk berfikir, berbincang atau berdebat mengenai isu semasa yang melibatkan kepentingan umum.

Kesan perubahan politik terhadap pembangunan di dalam sesebuah kampung menunjukkan terdapatnya perkaitan antara satu sama lain. Keadaan ini berlaku kerana selama ini projek yang dijalankan di kampung-kampung ini disalurkan oleh pengerusi JKKK yang juga ketua cawangan kepada Jabatan Pembangunan Negeri melalui ketua bahagian parti politik pemerintah yang mungkin juga sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen kawasan terbabit. Apabila kawasan ini telah dimenangi oleh parti PAS ia sudah tentulah memberikan kesan ke atas pembangunan.

Menurut Syed Akir (2013)<sup>3</sup> dari segi struktur organisasi JKKK berada di bawah Penghulu dan juga pentadbiran Pejabat Daerah. Setiap JKKK yang ingin melaksanakan projek pembangunan hendaklah mengemukakan satu kertas cadangan lengkap melalui Penghulu kepada Pejabat Daerah untuk dimajukan kepada Jabatan Pembangunan Negeri. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini disebabkan JKKK terdiri daripada ketua-ketua cawangan UMNO, mereka akan terus mengemukakan cadangan projek pembangunan di kampung terus kepada wakil rakyat yang juga merupakan ketua bahagian parti politik UMNO. Wakil rakyat atau ketua bahagian akan menyalurkan cadangan ini terus kepada Jabatan Pembangunan untuk dibuat tindakan. Pihak pentadbiran daerah akan dimaklumkan oleh Jabatan Pembangunan mengenai projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan.

Huntington dan Nelson (1986) dalam karyanya *Political Order in Changing Societies* menyatakan penaung politik yang secara sedar akan bersungguh-sungguh cuba membentuk satu kumpulan pelanggan (*client*) sebanyak mungkin khususnya

---

<sup>3</sup> Berdasarkan tembual dengan YM Syed Akir Bin Syed Ja'far, Pengerusi JKKK Kg Pak Pa, pada 10 April 2013 jam 9.30 malam bertempat di Markas UMNO Kg Pak Pa.

untuk memberikan sokongan politik kepada mereka. Ahli politik yang bercita-cita hendak memegang kuasa (undi masa depan) menggunakan apa saja sumber yang dapat digunakan. Penaung (*patron*) politik dalam konteks ini ialah wakil rakyat ataupun ketua bahagian pertubuhan politik manakala kumpulan klien pula bermaksud ahli-ahli JKKK kerana terdapat persamaan dengan pernyataan ini.

Faktor sikap juga boleh menjadi penyebab kepada berlakunya perubahan struktur politik. Sikap JKKK yang ada sememangnya merupakan faktor yang menyebabkan kekalahan calon UMNO. Ia mempunyai perkaitan yang rapat atas sifat membalas dendam kepada calon berkenaan yang telah menyingkirkan beberapa ahli JKKK yang terdahulu apabila ia berjaya memenangi kerusi Pengerusi Bahagian pertubuhan politik UMNO. Kesan daripada tindakbalas ini menyebabkan calon berkenaan telah menerima kekalahan dalam pilihan raya yang lalu.

Selain itu, kegagalan JKKK untuk menangani masalah perpecahan di kalangan penduduk kampung akibat perbezaan fahaman politik sehingga berlakunya perubahan struktur politik timbul kerana perbezaan fahaman politik yang wujud di kampung-kampung tidak begitu ketara kerana masyarakat di kampung masih lagi kuat berpegang kepada sikap hormat-menghormati, saling bantu-membantu dan juga pertalian kekeluargaan yang masih kuat.

### **4.3 Keberkesanan Kepimpinan**

Dalam aspek kepimpinan, keadaan ini boleh difahami bahawa adakah penduduk kampung berpuashati dengan kepimpinan JKKK yang ada sekarang. Terdapat juga



responden yang tidak pasti dengan kepimpinan JKKK ialah mereka yang tidak mengetahui siapakah pengerusi, setiausaha dan juga ahli jawatankuasa organisasi tersebut. Keadaan ini sudah tentulah memberikan kesan kepada keberkesanan kepimpinan JKKK di dalam menyalurkan maklumat dan menerima maklumat di kalangan penduduk.

Keadaan ini juga wujud kerana jawatan yang dipegang oleh JKKK sendiri merupakan jawatan sukarela yang diperolehi secara perlantikan melalui pertubuhan politik. Terdapat juga JKKK yang tidak amanah dan sengaja memegang jawatan yang memberi manfaat kepada diri dan keluarga barulah JKKK akan menjalankan tugasnya. Keadaan ini disebabkan kebanyakan JKKK yang ada telah mempunyai pekerjaan sendiri sama ada bekerja sendiri ataupun mempunyai sawah atau kebun getah. Walau bagaimanapun, Rahimah (1989: 156) menyatakan terdapat hubungan secara peribadi di antara individu dan penaung politik berasaskan tradisi saling bahagi-membahagi faedah antara kedua-dua pihak, walaupun pembahagian itu tidak sama rata.

Meskipun jawatan yang disandang oleh JKKK merupakan jawatan sukarela, tetapi ia masih mampu untuk meneruskan tugas tersebut. Menurut pandangan dan pendapat segelintir penduduk kampung pemimpin JKKK yang terlalu lama memegang jawatan perlu ditukar. Keadaan ini timbul adalah kerana perubahan masa yang memerlukan penduduk kampung lebih peka terhadap persekitaran, ketajaman fikiran dan sistem pengurusan organisasi yang lebih baik dan mantap bagi menjamin kemajuan dan keharmonian masyarakat. Pemimpin yang diperlukan pada masa ini ialah bukan hanya sebagai penyalur dan penghubung kepada projek pembangunan

material semata-mata, tetapi ia mestilah boleh mengarahkan fikiran dan tindakan penduduk kampung selaras dengan kemajuan negara.

#### **4.4 Latar Belakang Pendidikan**

Pendidikan merupakan aspek yang penting dalam pengurusan. Menurut Abdul Rahman (2000: 93), matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan tinggi dan sanggup melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna. Melalui proses pendidikan manusia akan membentuk kecenderungan kepada sesuatu yang berguna kepada kehidupan masyarakat. Justeru itu, menerusi pendidikan seseorang akan menunjukkan keupayaannya seperti meneroka kegiatan-kegiatan baru dalam mencari rezeki, meningkatkan persefahaman di kalangan manusia dan memajukan negara ini.

Sesungguhnya, kebolehan memimpin mempunyai hubungkait dengan pendidikan. Ahli JKKK yang berpendidikan tinggi akan lebih dihormati oleh penduduk kampung. Pemimpin yang berpendidikan tinggi akan membuat perancangan yang rapi dan menyeluruh mengenai program pembangunan yang perlu dibangunkan di sesebuah kampung. Menurut Farah (2013)<sup>4</sup> salah seorang penduduk kampung Teluk Paku, tidak semua orang yang berpendidikan tinggi itu boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat dan seterusnya memberikan perkhidmatan kepada anggota masyarakat jika dipiih sebagai JKKK. Menurut beliau lagi, kebolehan memimpin dan bertanggungjawab lebih utama berbanding dengan faktor pendidikan seseorang ahli JKKK.

---

<sup>4</sup> Berdasarkan tembual dengan Puan Farah Binti Hassim, penduduk Kampung Teluk Paku, pada 7 April 2013 jam 5.15 petang, bertempat di kediaman responden di Kampung Teluk Paku.

Terdapat perkaitan antara pendidikan yang tinggi bagi ahli JKKK adalah lebih mudah berurusan dengan pentadbiran daerah. Hal ini kerana ahli JKKK yang mempunyai pendidikan tinggi juga diandaikan lebih senang berkomunikasi dengan penduduk kampung. Penduduk kampung percaya bahawa ahli JKKK yang berpendidikan tinggi lebih berupaya membawa perubahan dan kemajuan kepada penduduk kampung.

Pemimpin yang mempunyai pendidikan yang tinggi sudah tentulah mendapat pendidikan secara formal dari sesebuah institusi pengajian dan dapat membentuk dan mencorakkan pemikiran dan tindakan pemimpin tersebut. Menerusi ilmu yang diperolehi ia akan mencurahkan pengetahuannya dalam membangunkan masyarakat setempat. Bagi memantapkan lagi organisasi JKKK ini, ahli JKKK perlu melantik ahli yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi supaya mampu mentadbir organisasi ini dengan lebih cekap.

#### **4.5 Penglibatan Dalam Pembangunan**

JKKK merupakan komponen penting yang memainkan peranan utama dalam institusi desa. Setiap pendekatan dan transformasi pembangunan luar bandar amat berkait rapat dengan peranan dan tugas JKKK di peringkat akar umbi. Bagi menilai sesebuah kepimpinan organisasi perlulah dilihat perkaitannya dengan ahli yang diwakili. Menurut Johari (2013)<sup>5</sup> penduduk kampung segelintirnya masih lagi bersetuju dengan kepimpinan JKKK yang sedia ada. Hal ini dapat dilihat daripada kerjasama yang diberikan oleh penduduk-penduduk kampung kepada JKKK.

---

<sup>5</sup> Berdasarkan tembual dengan En. Johari Bin Othman, Timbalan Pengerusi Kg Simpang Tok Ku, pada 9 April 2013 jam 8.00 malam, bertempat di kediaman responden di Kampung Simpang Tok Ku.

Apabila penduduk kampung tidak meragui kebolehan JKKK sekaligus mereka akan menghormati keputusan yang dibuat oleh JKKK. Masyarakat setempat juga masih lagi menjadikan JKKK sebagai tempat untuk mereka merujuk masalah yang mereka hadapi.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan kampung, JKKK bertindak sebagai perancang dan penghubung bagi masyarakat dengan pihak kerajaan. Keadaan ini dapat dilihat daripada segi kerjasama di antara masyarakat dengan JKKK di dalam melaksanakan aktiviti ataupun program pada peringkat kampung. Kerjasama dan bantu-membantu di antara JKKK dan anggota masyarakat masih lagi wujud. Sebagai penyemarak aktiviti Gerakan Daya Wawasan (GDW), JKKK perlu bertindak sebagai penyemarak aktiviti-aktiviti dan program-program GDW sama ada dalam bidang pendidikan, keceriaan dan keindahan kampung, kemasyarakatan, pengeluaran produk dan perkhidmatan desa serta dalam bidang ekonomi luar bandar.

JKKK perlu mengenalpasti keperluan dan jenis perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh komuniti dengan menggerakkan sumber manusia dan kewangan untuk memenuhi keperluan setempat. Sebagai agen perubahan atau suara masyarakat desa pula, JKKK perlu melaksanakan dan menjaga tanggungjawab sosial antaranya berperanan mengurus hal ehwal kebajikan masyarakat luar bandar seperti bantuan bencana dan PPRT. JKKK juga perlu bertindak sebagai perancang dan pemantau projek pembangunan (fizikal dan sosio-ekonomi luar bandar) dengan memahami aspek pemilihan perancangan setempat yang betul-betul memberi impak menyeluruh kepada masyarakat luar bandar. Keseimbangan dan keserataan

pengagihan projek pembangunan perlu dirancang dengan betul dan berhemah. JKKK juga bertanggungjawab menyelaraskan dan memastikan profil kampung diurus dan dikemaskini kerana ketepatan maklumat kampung membolehkan profil kampung direkodkan dengan berkesan. Dengan ini, maklumat tersebut dapat digunakan sebagai rujukan pembangunan kampung oleh pentadbiran Persekutuan, negeri dan daerah.

#### **4.6 Kesimpulan**

Berdasarkan analisis dapatan kajian yang dijalankan jelas menunjukkan organisasi JKKK merupakan organisasi yang mempunyai peranan yang besar dan menjadi perhatian kepada semua pihak sama ada penduduk kampung, parti politik dan juga pihak kerajaan di dalam melaksanakan tugas bagi membangunkan kampung. Meskipun terdapat sesetengah pernyataan yang tidak menyetujui dengan corak kepimpinan JKKK, organisasi ini perlulah melakukan perubahan dan penyesuaian kepada beberapa perkara seperti penekanan terhadap pembangunan mental dan juga rohani, memasukkan golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi ke dalam organisasi ini dan juga memberikan ruang yang luas kepada golongan yang lebih muda dan bertenaga menjalankan peranan manakala ahli JKKK yang lama menjadi pembimbing dan penasihat kepada organisasi agar berfungsi dengan lebih berkesan lagi.

Organisasi JKKK masih lagi mempunyai peranan yang besar dalam memajukan dan membangunkan kampung-kampung ini. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi jawapan yang telah diberikan oleh responden kepada soalan yang

disediakan. Meskipun berlaku perubahan di dalam struktur politik peranan organisasi ini masih lagi diperlukan sebagai badan perantara. Ternyata aspek kepimpinan yang ada sekarang masih lagi mampu untuk meneruskan usaha membangunkan kampung. Tetapi persoalan mengenai tempoh perkhidmatan JKKK yang terlalu lama perlu diberikan perhatian yang sewajarnya agar pemimpin daripada golongan muda diberi peluang untuk memegang tampuk kepimpinan JKKK manakala mereka yang telah banyak berjasa terus dihargai di dalam masyarakat.

Organisasi ini perlu diberi ruang untuk golongan yang lebih muda dan berpendidikan untuk menjadi penasihat kepada generasi muda bagi membangunkan kampung. Aspek pendidikan sememangnya tidak dinafikan sebagai satu unsur yang penting sebagai asas kepada pengurusan sesebuah organisasi. Daripada pemerhatian dan hasil temubual yang telah analisis, dapat dinyatakan bahawa JKKK sememangnya memainkan peranannya dalam membangunkan penduduk kampung. Peranan yang dimainkan tidak lari dari tugas yang telah ditetapkan. JKKK telah memainkan peranan yang berbagai bentuk dan ragam antaranya peranan sebagai penasihat, pengawal keselamatan, pendidik, ahli ekonomi dan lain-lain.

Hal ini terbukti dengan kejayaan setiap program-program yang telah dijalankan. Penduduk kampung memberikan komitmen sepenuhnya terhadap program yang telah dijalankan oleh JKKK di kampung masing-masing. Ternyata JKKK memiliki peranan yang besar dalam memajukan penduduk setempat. Namun tidak dinafikan dalam membangunkan masyarakat, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi baik dari segi pihak luar mahupun daripada masyarakat kampung itu sendiri. Namun cabaran itu perlu dihadapi dengan berfikiran terbuka dan langkah

yang cekap. Dalam orientasi masyarakat yang cenderung ke arah kemewahan dan kesenangan pada masa kini, rakyat berlumba-lumba untuk mencapai taraf kemajuan yang memuaskan.

JKKK yang dilantik tidak boleh dipersoalkan mengenai pengalaman kerana sifat kerajinan dan boleh menimba pengalaman daripada pelaksanaan program-program, membuatkan ahli-ahli JKKK lebih matang dalam menguruskan organisasi JKKK dan seterusnya melicinkan pentadbiran negara. Aspek kepimpinan, perubahan struktur politik dan pendidikan merupakan perkara yang penting dalam menentukan keberkesanan organisasi JKKK di dalam membangunkan kampung. Perubahan struktur politik semasa yang berlaku sememangnya memberikan kesan langsung kepada organisasi ini. Namun, perlu adanya kesedaran daripada semua pihak agar perubahan yang berlaku dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak.

Berdasarkan kepada matlamat penubuhan JKKK, ia boleh memainkan peranan yang aktif bagi membangunkan masyarakat luar bandar. Atas kesedaran bahawa masyarakat luar bandar perlu dibangunkan tanpa mengorbankan nilai-nilai murni yang sedia ada, ternyata peranan yang dimainkan oleh JKKK telah berjaya membantu pihak kerajaan membangunkan masyarakat luar bandar. Meskipun telah mengalami perubahan daripada JKK pada peringkat awal penubuhannya kepada JKKK telah menunjukkan organisasi ini telah memainkan peranan yang amat besar walaupun ia lebih merupakan jawatan sukarela dan dilihat sebagai satu jawatan yang lebih berkepentingan kepada pihak tertentu.

Sebagai sebuah organisasi sosial yang ditubuhkan di peringkat akar umbi, JKKK telah berjaya memainkan peranannya berdasarkan senarai tugas yang diberikan oleh pihak kerajaan. Peranan yang ada telah dimainkan seperti sebagai agen perubahan, pemimpin barisan hadapan, menguruskan pembangunan ekonomi setempat dan membantu menguruskan pembangunan masyarakat merupakan usaha yang murni serta menuntut tahap kesukarelaan yang tinggi bagi membantu membangunkan masyarakat sendiri.



## **BAB 5**

### **RUMUSAN**

#### **5.1 Pengenalan**

JKKK merupakan pentadbiran di peringkat kampung yang bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Usaha-usaha yang dirancang oleh pihak kerajaan kepada komuniti luar bandar tidak dapat bergerak dengan lancar tanpa peranan yang disumbangkan secara cekap dan berkesan oleh organisasi JKKK sebagai perantara bagi kerajaan dengan rakyat. JKKK perlu bekerjasama dengan agensi-agensi awam lain seperti agensi-agensi Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) iaitu KEMAS, MARA, RISDA, FELCRA, KETENGAH dan sebagainya.<sup>6</sup> Organisasi penting ini juga perlu mempunyai pertalian rapat dengan institusi-institusi kerajaan atau institusi bukan kerajaan (NGO), organisasi politik, agama dan persatuan yang terdapat di kampung. Semua pihak tersebut pada dasarnya perlu bekerjasama bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dengan dalam usaha pembangunan negara.

#### **5.2 Perbincangan Hasil Kajian**

Kajian mendapati organisasi JKKK masih lagi mempunyai peranan yang besar di dalam memaju dan membangunkan kampung-kampung. Ini kerana organisasi ini masih lagi diperlukan sebagai saluran dan badan perantaraan di antara penduduk kampung dan pihak kerajaan. Selain itu, ternyata aspek kepimpinan yang ada

---

<sup>6</sup> Senarai singkatan di atas adalah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Rubber Industry Smallholders's Development Authority* (RISDA), *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

sekarang masih lagi mampu untuk meneruskan usaha membangunkan kampung. Kepimpinan JKKK memerlukan pemimpin yang dinamik, cergas, berpengetahuan serta berkebolehan untuk mengendalikan kerja-kerja jawatankuasa dengan cara yang lebih positif dan berkesan. Pemimpin JKKK perlulah memahami cara-cara pentadbiran dan melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai pelaksanaan pembangunan di peringkat akar umbi supaya tugas-tugas dapat dilaksana dengan berkesan. Selain itu, latihan untuk pemimpin JKKK seperti seminar, bengkel, dialog dan kursus-kursus kepimpinan perlu diberikan penekanan yang lebih mendalam dan berterusan bagi memantapkan lagi pengurusan organisasi JKKK ini.

Selain itu, aspek kepimpinan dan aspek pendidikan sememangnya tidak dinafikan sebagai unsur penting sebagai asas kepada pengurusan organisasi dan 'ilmu adalah kuasa kemajuan'. Tiada ilmu ia umpama berada dalam serba kekurangan. Terdapat perkaitan yang jelas di antara kebolehan memimpin dengan tahap pendidikan seseorang. Kebolehan memimpin bukan datangnya dengan sendiri, tetapi ia perlu dipelajari dan diaplikasikan oleh setiap JKKK. Pemimpin yang tidak berupaya menerajui organisasi ini ke satu matlamat yang jelas akan menyebabkan sesebuah organisasi itu tidak dapat berperanan sebagai sebuah organisasi yang penting dan berkesan di peringkat akar umbi.

Peranan JKKK adalah penghubung antara masyarakat setempat dan agensi-agensinya yang berkaitan bagi membangunkan masyarakat dan negara. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat impak yang besar melalui kepimpinan JKKK. Kepimpinan dalam organisasi merupakan faktor yang menentukan keberkesanan sesebuah organisasi. Oleh itu, kejayaan dalam kepimpinan JKKK menunjukkan

bahawa pengelolaan organisasi telah berjaya dilaksanakan. Selain itu, JKKK mampu mengemukakan senarai projek yang dirancang untuk membangunkan komuniti kampung seperti projek *information and communications technology* (ICT) dan gotong-royong. Program-program yang disertai oleh masyarakat dan organisasi JKKK juga dapat meningkatkan daya pemikiran pemimpin organisasi dalam membuat keputusan. JKKK juga perlu menjalankan tugas tambahan iaitu dalam mengawal keselamatan kampung bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman kampung sentiasa terpelihara ekoran banyak jenayah seperti kecurian, pecah rumah, pengedaran dadah dan sebagainya yang berlaku di kampung-kampung.

JKKK juga merupakan organisasi peringkat paling bawah yang bertanggungjawab dalam mengurus hal ehwal dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat kampung. Dengan komitmen yang diberikan oleh JKKK, kerajaan dapat mengetahui segala masalah yang timbul di peringkat bawahan. Selain itu, melalui peranan yang dimainkan oleh JKKK juga, masyarakat dapat mengetahui hal ehwal berkaitan kerajaan, di mana JKKK bertindak sebagai perantaraan. Dengan peranan sebagai perantara, JKKK boleh menyebarkan sebarang maklumat di peringkat bawahan dengan pantas dan tepat kepada kerajaan dan sebaliknya.

Namun, terdapat juga kelemahan dalam sistem kepimpinan JKKK dalam komuniti kampung yang menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan sebahagian daripada program pembangunan komuniti yang dijalankan. Kelemahan dalam sistem kepimpinan ini dilihat dari segi ketidakupayaan pucuk kepimpinan JKKK dalam menyuarakan kehendak dan permasalahan pembangunan di kampung-kampung

kepada pihak atasan untuk tujuan perhatian khususnya dalam pembangunan. Contohnya, ketiadaan program komputer atau *information technology* (IT) atau program sokongan sosial seperti kelas menjahit kepada kaum wanita di kampung-kampung boleh dikaitkan dengan kelemahan dalam kepimpinan organisasi JKKK ini. Ini berikutan tiada usaha khusus yang dibuat oleh kepimpinan JKKK untuk memohon program sokongan sosial tersebut diadakan.

### **5.3 Cadangan**

Bagi memantapkan lagi organisasi JKKK supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan, dicadangkan beberapa perkara bagi membaiki lagi organisasi JKKK ini seperti kelayakan akademik kepimpinan dan ahli-ahli, cara perlantikan, ahli JKKK yang berkecuali dalam pegangan politik, mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi program pembangunan fizikal, pembangunan minda dan pembangunan rohani dan membuat penilaian semula terhadap tugas JKKK dan juga penilaian ke atas program yang dijalankan.

#### **5.3.1 Kelayakan Akademik**

Kelayakan akademik yang diperlukan sekarang bagi menjawat jawatan di dalam organisasi ini ialah tamat sekolah rendah sebagai syarat yang minimum adalah tidak bersesuaian lagi. Adalah dicadangkan agar kelayakan asas bagi memimpin ataupun sebagai AJK mestilah sekurang-kurangnya mempunyai SPM atau setaraf dengannya dan ke atas. Sudah tiba masanya JKKK berubah jauh ke hadapan sejajar dengan perkembangan semasa. Perkembangan dunia pendidikan negara ini mencapai tahap

pendidikan yang cemerlang setelah 56 tahun mencapai kemerdekaan. Oleh itu, sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan yang penting di peringkat akar umbi, individu yang mempunyai kebolehan dan kelayakan akademik yang sederhana tinggi dilantik sebagai ahli-ahli JKKK yang dipercayai berupaya membawa kemajuan kepada seluruh penduduk luar bandar.

### **5.3.2 Cara Perlantikan**

Mengenai cara perlantikan atau pemilihan ahli JKKK, ia mestilah bebas dan dipilih oleh seluruh penduduk yang tinggal di dalam kampung tersebut. Cara pemilihan boleh dibuat menerusi pengundian oleh penduduk-penduduk kampung yang boleh diuruskan oleh pejabat Penghulu bagi mukim berkenaan dan Pejabat Daerah. Menerusi cara ini, golongan muda di kampung-kampung dapat membuat pilihan dan menentukan siapa yang boleh mewakili rakyat di kampung khususnya dalam soal sosio-ekonomi.

Sesungguhnya, banyak kebaikan daripada pemilihan yang dibuat oleh masyarakat kampung itu sendiri. Selain daripada faktor tradisi yang diketengahkan, pemimpin pilihan penduduk kampung dapat berperanan dengan sebaik mungkin dan terikat dengan mandat daripada pemilihan tersebut untuk berkhidmat dengan tekun demi penduduk yang diwakilinya. Dengan itu, mereka perlu memberi komitmen terhadap perkhidmatan dengan sepenuh hati dan ikhlas kerana perlantikannya dibuat oleh orang kampung sendiri. Namun, sekarang keadaan yang wujud tidak seperti yang disarankan kerana kehendak orang atasan dipenuhi demi kepentingan politik partisan. Dalam hal ini, perlantikan secara pemilihan dapat mewujudkan kembali

kepada suasana tradisi, di mana seseorang pemimpin itu sentiasa dihormati, mempunyai rasa hormat dan digeruni kerana kepimpinannya dan perkhidmatannya atas pilihan ramai.

### **5.3.3 Bebas Daripada Pengaruh Politik**

Ahli JKKK mesti mempunyai pandangan bebas dan berkecuali daripada pengaruh dan ideologi politik. Ianya dapat mengelakkan berlakunya perpecahan dan menyebabkan kemajuan yang hendak dibawa terjejas jika kepimpinan JKKK terlalu banyak dipengaruhi oleh faktor politik terutama dari segi perbezaan ideologi politik yang diikuti. Ini dapat mengelak daripada berlakunya tindakan memihak atau berat sebelah di dalam sesebuah kampung. Meskipun setiap orang bebas berpegang kepada ideologi politik tertentu tetapi apa yang berlaku sekarang kebanyakan ahli JKKK terdiri daripada ketua cawangan atau setiausaha parti politik khususnya daripada UMNO. Situasi ini dibimbangi cenderung membawa perpecahan berbanding perpaduan dalam kampung apabila fahaman politik banyak mempengaruhi hubungan antara kepimpinan JKKK dengan seluruh penduduk kampung.

### **5.3.4 Aspek Perancangan**

Kursus pemeraksanaan JKKK sebagai agen transformasi luar bandar adalah bertujuan untuk melengkapkan barisan kepimpinan JKKK dengan pengetahuan mengenai program transformasi luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Peranan JKKK amat penting sebagai mata dan telinga kerajaan untuk memantau, mendengar

mahupun menyampaikan dengan tepat dasar-dasar dan program-program kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung secara berkesan. Peranan yang dimainkan oleh JKKK dapat menyempurnakan pelbagai projek dan perkhidmatan yang dilakukan oleh kerajaan kepada rakyat. Bagi tujuan tersebut, kerajaan giat menjalankan pelbagai program antaranya dalam aspek pembangunan sosial, ekonomi dan modal insan tanpa mengetepikan pembangunan fizikal. Objektifnya adalah untuk menjadikan luar bandar sebagai kawasan yang ekonominya berdaya maju, masyarakatnya sejahtera dan persekitaran yang lestari.

Setiap kali selepas perlantikan ahli JKK, satu jadual perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang melibatkan pembangunan fizikal, mental dan pembangunan rohani mesti dirangka pada peringkat kampung. Perancangan yang menyeluruh memudahkan pihak pentadbiran daerah dan juga kerajaan negeri memberikan tumpuan dalam menyediakan perbelanjaan atau bajet dalam usaha melaksanakan setiap perancangan.

Bagi mengukur tahap keberkesanan sesuatu organisasi dan anggotanya, satu penilaian yang menyeluruh perlu dilakukan setiap dua tahun selepas tamat tempoh perkhidmatan terhadap JKKK yang ada dan sebelum perlantikan baru dibuat. Ini bertujuan agar ia dapat membaiki kelemahan dan meneruskan projek-projek yang tidak sempat dijalankan dan juga untuk kemajuan kampung-kampung tersebut. Menerusi program-program dan kursus-kursus yang diadakan oleh kerajaan, JKKK akan dilatih supaya berkeupayaan untuk menyampaikan inisiatif-inisiatif tersebut kepada kampung masing-masing untuk dimanfaatkan serta JKKK bertanggungjawab untuk menggerakkan masyarakat kampung ke arah transformasi luar bandar. Oleh

itu, tanggungjawab JKKK bukan hanya terbatas kepada aspek keselamatan dan kemajuan kampung semata-mata malah JKKK bertanggungjawab menggerakkan masyarakat setempat dalam membantu perancangan pembangunan kampung.

### **5.3.5 Pemantapan Organisasi**

Peranan organisasi JKKK dapat dimantapkan lagi melalui pemberian imbuhan, latihan dan bimbingan. Peruntukan elaun yang diberikan kepada pemimpin JKKK adalah tidak memadai memandangkan jumlah mesyuarat bulanan yang dijalankan pada setiap bulan. Oleh itu, dicadangkan supaya elaun pemimpin JKKK dinaikkan daripada RM400.00 sebulan kerana tugas dan peranannya yang berat.

Bagi memantapkan lagi organisasi JKKK, pemimpin dan AJK perlu diberi latihan dan kursus berkaitan kepimpinan, pengurusan, pentadbiran, kewangan, keusahawanan dan sebagainya. Kursus-kursus dan latihan-latihan yang dijalankan terhadap kepimpinan JKKK boleh melalui kerjasama pelbagai agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri mahupun persekutuan. Contohnya, kursus kepimpinan JKKK anjuran kerajaan negeri. Kursus ini berkonsepkan motivasi serta untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran JKKK. Kursus kepimpinan JKKK diadakan bagi memupuk nilai kepimpinan dalam kalangan pengerusi JKKK terutama ke arah menggembleng sumber sebagai mata dan telinga kerajaan negeri. Objektifnya, adalah bagi membangkitkan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin JKKK, membentuk disiplin dan hemah diri dalam kalangan masyarakat, berpengetahuan dalam pengurusan dan pentadbiran



organisasi dan juga memberi pendedahan mengenai selok-belok komunikasi massa seperti *IT*.

#### **5.4 Penutup**

Keberkesanan kepimpinan JKKK amat diperlukan di peringkat kampung. JKKK boleh berfungsi sebagai agen perubahan kepada seluruh lapisan masyarakat di kampung-kampung . Selain itu, JKKK perlu lebih berkesan untuk bertindak sebagai perantara bagi penduduk-penduduk kampung dengan pihak kerajaan. Oleh sebab itu, kepimpinan JKKK perlu memahami konsep pengurusan yang telus, cekap dan bertanggungjawab seperti yang dipraktiskan dalam mesyuarat-mesyuarat dan program-program atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JKKK.

Dalam pada itu, perlu perubahan secara proaktif dilakukan di peringkat JKKK agar badan ini mampu memenuhi keperluan-keperluan penduduk. Pengemblengan tenaga kepimpinan JKKK sebagai badan yang menghubungkan penduduk-penduduk kampung dengan pihak kerajaan memerlukan suatu kaedah pengurusan yang lebih cekap dan berkesan. Ini bertujuan memastikan penubuhan JKKK itu menepati objektifnya dalam membawa agenda pembangunan seperti pembangunan infrastruktur, pendidikan, kebudayaan, keusahawanan dan sebagainya. Oleh sebab itu, pemimpin JKKK perlu memahami ilmu pengurusan dan pentadbiran serta sedia menimba ilmu bagi membentuk kepimpinan yang cekap dan berkesan bagi membangunkan kampung masing-masing.

Koordinasi, penggabungan dan kerjasama daripada semua pihak sama ada daripada jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, jawatankuasa daerah dan mukim amat diperlukan dalam membawa perubahan kepada semua masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar atau pun di kawasan kampung-kampung. Selain itu, komunikasi yang lebih berkesan antara jabatan atau agensi juga adalah sangat perlu dalam menangani sebarang masalah-masalah yang timbul. Pihak swasta juga boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu kepada pembangunan masyarakat luar bandar untuk mengelak golongan ini daripada terus ketinggalan dalam arus pemodenan hari ini dengan membiayai projek-projek tertentu bersama-sama dengan JKKK. Contohnya, membiayai projek-projek pertanian yang diusahakan oleh penduduk-penduduk kampung dengan tujuan meningkatkan taraf pendapatan penduduk.

Sokongan padu serta perubahan sikap ke arah yang lebih positif dalam kalangan penduduk serta pihak yang diberi kuasa untuk mentadbir adalah sangat perlu bagi tujuan meningkatkan kemajuan bagi sesebuah kampung. Satu usaha bersepadu perlu digerakkan untuk mengukuhkan hubungan antara kepimpinan JKKK dan penduduk-penduduk kampung ke arah pembangunan yang lebih pantas dan bermanfaat untuk semua. Oleh sebab itu, peranan JKKK perlu dikaji semula agar ia dapat memberi sumbangan yang lebih besar dalam semua aspek kehidupan masyarakat dalam sesebuah kampung. Atau, sudah tiba masanya JKKK diberi taraf yang lebih tinggi dengan kuasa dan autoriti yang sah bagi membangunkan masyarakat desa khususnya di luar bandar ke arah mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Saad. (1999). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Abdul Latif Salleh. (1989). *Masalah-masalah Pentadbiran Institusi JKKK Sebagai Agen Pentadbiran Kerajaan Di Peringkat Bawah. Kajian Kes Di Daerah Sik Kedah (Tidak Diterbitkan)*. Latihan Ilmiah, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. (Tidak Diterbitkan)
- Abdul Rahman Aziz. (2000). *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Kuala Lumpur. Prentice Hall.
- Abdul Rahman Aziz. (2002). *Falsafah Pembangunan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Aminudin Mohd Yusof. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminudin Yusof & Mohd Ali Kamarudin. (1988). *Kepimpinan Pemuda UMNO*. Bangi: Penerbit Univeriti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Long. (2000). *Keberkesanan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sebagai Pemangkin Pembangunan Komuniti Kajian Kes Di Mukim Derang Kota Setar Kedah*. Latihan Ilmiah, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and Performance Beyond Expectations*. New York: Free Press.
- Bennis, W. & Nanus, B. (1985). *Leaders: the Strategies for Talking Charge*. New York: Harper & Row.
- Bolman, L.G., & Deal, T.E. (1992). Leading And Managing: Effects of Context, Culture and Gender. *Educational Administration Quarterly*, 28: 314-329.
- Burns, J. (1978). *Leadership*. New York: Harper and Collin.
- Case, C.M. (1933). Leadership and Conjuncture. *Sociology and Social Research*, 17: 510-513.
- Hardcastle, D.A., Wenocur, S., Powers, P.R. (1997). *Community practice, theories anf skills for social workers*. New York: Oxford University Press.
- Hersey, P., & Blanchard, K. (1977). *The Management of Organizational Behavior*. Englewood Cliffs, N. J: Prentice Hall.
- Hughes, R.L., Ginnett, R.C. & Curphy, G.J. (1993). *Leadership: Enhancing the Lessons of Experience*. Homewood, Boston: Irwin.

- Hungtington, S.P. & Nelson, J.M. (1986). *Sukarnya Membuat Pilihan Penyertaan Politik Di Negara Membangun*. (Terj. Hassan Ahmad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Zakaria (1991). *Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Muhamad, Mohd Hizam Makbul & Mohd. Zahir. (1983). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Leeds Publication.
- Jaafar Muhammad. (1991). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). *Laporan Profiling JKKK Daerah Kuala Terengganu (2009-2010)*. JKKK Daerah Kuala Terengganu, Terengganu.
- Jomo, K.S. (1996). Election's Janus Face: Limitations and Potential in Malaysia. Dlm. R.H. Taylor. *Politics of Elections in Southeast Asia*. Cambridge: University of Cambridge Press: 90-113.
- Keesing, R.M. (1989). *Antropologi Budaya: Suatu Perspektif Kontemporer* (Terj. Samuel Gunawan) Jakarta: Erlanga.
- Lunenburg, F.C., & Ornstein, A.C. (1991). *Educational Administration: Concepts and Practice*. California: Wadsworth Pub. Co.
- Maimunah Ismail. (1989). *Pegembangan: Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. (2007). *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn. Bhd.
- Mohamad Md Yasin. (1997). "Peranan Dan Tanggungjawab JKKK Dalam Merealisasikan Kawasan Kerajaan Negeri Kedah". Kertas Cadangan Seminar JKKK Negeri Kedah. Kedah Darul Aman.
- Mohd Shukri Abdullah. (1992). *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mosley, D.C., Pietri, P.H., Meggionson, L.C. (1996). *Management: Leadership in action*. (5<sup>th</sup> ed). New York: Harper Collins College Publishers.
- Nelson, D. L. & Quick, J. C. (1997). *Organizational Behavior: Foundation, Realities and Challenges*. (2<sup>nd</sup> ed). St. Paul, Mineapolis: West Publishing Company.
- Parry, K. (1996). *Transformational Leadership. Developing an Enterprising Management Culture*. Melbourne: Pitman Publishing.
- Phang Siew Nooi. (1989). *Sistem Kerajaan Tempatan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ramanathan. K. (1998). *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ramlah Adam. (1994). *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Muhammad, Ridzuan Omar & Md. Sharit Bharuddin. (1991). *DEB, Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Mat Zain. (1996). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.
- Robiah Kulop Hamzah (1995). *Remaja dan Kepimpinan Persatuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sartono Kartodirdjo. (1984). *Kepimpinan Dalam Dimensi Sosial*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi Dan Sosial.
- Shamsul Amri B. (1982). *Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-ekonomi Malaysia, Sejarah dan Proses Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skidmore. R.A., Thackeray, M.G., Farley, O.W. (1997). *Introduction to Social Work*. (7<sup>th</sup> ed). Boston: Ally and Bacon.
- Slarin, R.E. (1992). *Research Metod in Education*. (2<sup>nd</sup> ed). United States: Chestnut Hill Enterprises, Inc.
- Sobri Sudin & Mohd Husin. (1990). *Konflik Penggantian Kepimpinan Menteri Besar*. Sintok: Penerbit Universti Utara Malaysia.
- Stodgill, R.M. (1974). *Handbook of Leadership*. (1<sup>st</sup> ed). New York: Free Press.
- Susilo Martoyo. (1987). *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Yogyakarta: BPFE.
- Wan Kemat. (1997). JKKK Sebagai Penghubung Kerajaan, Rakyat. *Berita Harian* (10 Julai).
- Weber, M. (1968). *On Charisma and Institution Building*. London: University of Chicago.
- Weil, M.O & Gamble, D.N. (1995) "Community Practice Models". *Encyclopedia of Social Work* (19<sup>th</sup> ed.). Vol 1. NASW. Washington D.C.
- Yukl, G.A. (1999). An evaluation of conceptual weakness in transformational and charismatic leadership theories. *Leadership Quarterly*, 10(2): 285-305.
- Yulk, G. A. (2002). *Leadership in Organization*. (5<sup>th</sup> ed) New Jersey: Prentice Hall.

Yusof Ismail. (1991). *Mengurus Secara Islam: Model dan Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam Bagi Individu dan Organisasi*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

### **Responden Temubual**

Farah binti Hassim. Penduduk Kampung Teluk Paku pada 7 April 2013, jam 5.15 petang bertempat di kediaman responden, No. 2406, Kampung Teluk Paku, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Johari bin Othman. Timbalan Pengerusi JKKK pada 9 April 2013, jam 8.00 malam, bertempat di kediaman responden, 1409-Kampung Simpang Tok Ku, Bukit Besar, Padang Hiliran, 20050 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Syed Akir bin Syed Ja'far. Pengerusi JKKK pada 10 April 2013, jam 9.30 malam, bertempat di Markas UMNO, Berhadapan Balai Raya Kampung Pak Pa, Lorong Kemunting, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.